



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 27 BILANGAN 42

RABU 20HB OKTOBER, 1982.

1403 رابو 2 محرم

PERCHUMA



Dua orang pegawai hadhiri Simposium

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan penghantaran dua orang pegawai kanan Kerajaan bagi menghadiri Simposium Antarabangsa Kesusasteraan Melayu Tradisional, yang akan berlangsung di-Selangor, Malaysia bulan November depan.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani dan Pengarah Muzium, Pengiran Dato Paduka Sharifudin bin Pengiran Metali, yang akan menghadiri simposium tersebut di-jangka akan bertolak pada 2hb. depan.

Simposium itu di-anjurkan oleh Jabatan Persuratan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka,

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Persatuan Pengajian Melayu. Ia-nya akan di-adakan sa-lama tiga hari bermula pada 4hb. Nobember.

Wakil2 Kesatuan Islam ka-Persidangan Wanita Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kesatuan Islam Brunei, pada hari Sabtu lalu, telah menghantar tiga orang wakil-nya ka-Persidangan Wanita Islam Dalam Pembangunan Bagi Tenggara Asia dan Pasifik, yang telah berlangsung sa-lama enam hari di-Kuala Lumpur.

Mewakili Brunei ka-persidangan itu ia-lah Dayang Hajjah Maznah bte Haji Mohammad, Dayang Aishah bte OKML Haji Mohd. Yusof dan Dyg. Norfishah bte Hj. Nirin.

Persidangan yang julong2 kali-nya di-adakan itu di-anjurkan oleh Wanita PERKIM dengan perhatian dari

PESUROHJAYA NEW ZEALAND MENGADAP KEBAWAH D.Y.M.M.

BERAKAS. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah serta rombongan telah pulang ka-tanah ayer pada hari Sabtu, 16hb. Oktober yang baru lalu, sa-telah berada di-luar negeri sa-lama kira2 dua minggu bagi menghadiri Persidangan Agong Pertubuhan Bangsa2 Bersatu yang ke-37 di-New York.

Keberangkatan tiba Yang Teramat Mulia di-sambut oleh YTM Paduka Seri Duli Pengiran Diga-dong Sahibul Mal Pengi-

ran Muda Jefri Bolkiah, YTM Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rac' Walmashuarah Pengiran Muda Haji Mohd. Alam dan lain2 Kerabat Diraja.

Turut menyambut keberangkatan Yang Teramat Mulia ia-lah YTB Penasehat Umum Kebawah DYMM, Pehin Orang Kaye Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awg. Haji Isa, YAB Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaye Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, YB Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaye Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg. Abd. Rahman, Pengiran2 Cheteria dan Pegawai2 Kanan Kerajaan.

Persatuan Kebajikan Islam Malaysia dan Pertubuhan Dakwah Islam Bagi Tenggara Asia dan Pasifik (RISEAP). Persidangan tersebut bertemakan mengenai wanita Islam dan pembangunan, yang di-bentangkan dalam tujuh kertas kerja, dengan penumpuan dan penyertaan mereka bagi keluarga, masyarakat dan pembangunan negara.

Ia-nya juga bertujuan bagi membolehkan wanita Islam di-Tenggara Asia dan Pasifik bertukar2 fikiran dan pendapat mengenai peranan mereka dalam keluarga, masyarakat dan pembangunan negara dan bangsa, untuk menganalisa dan membincangkan masalah yang di-hadapi oleh wanita Islam dan pembangunan.

Sa-lain dari itu, ia-nya juga di-hajatkan bagi memupok kerjasama antara wanita Islam dan Pertubuhan Wanita Islam di-kawasan2 yang berkenaan dan sa-terus-nya bagi mencari bantuan dari Pertubuhan2 Islam yang lain.

Persidangan itu akan di-hadiri oleh 14 buah negara di-Tenggara Asia dan Pasifik, yang mana termasuk Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Burma, Papua New Guinea, Fiji dan New Caledonia.

Persidangan Wanita Islam Dalam Pembangunan telah berlangsung pada 4hb. Oktober lalu.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesurohjaya New Zealand bagi Brunei, Awang H. Harle Freeman-Greene telah mengadakan lawatan sa-lama tiga hari ka-negeri ini pada minggu lalu.

Dengan di-iringi oleh Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson, Pesurohjaya New Zealand itu telah mengadap kehormatan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-Istana Darul Hana pada hari Selasa minggu lalu (gambar kiri).

Sa-masa berada di-sini, beliau

mengadakan perjumpaan dengan beberapa orang pegawai kanan Kerajaan.

Sementara itu dua orang Setiausaha Pertama dari Kedutaan Republik Korea di-Singapura kini berada di-sini untuk lawatan sa-lama tiga hari.

Beliau ia-lah Awang Yu Myung Hwan, Setiausaha Pertama bagi Pembinaan dan Perdagangan dan Awang Choi Zinh, Setiausaha Pertama bagi Hal Ehwal Konsul. Mereka di-jadualkan pulang ka-Singapura pada hari ini.

DPPW BERANGKAT PULANG

Yang Teramat Mulia di-iringi oleh YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin dan Datin. Turut mengiringi termasuklah YDM Pehin Orang Kaye Perdana Indera Dato Setia Awang Haji Md. Taha dan Malai Haji Ahmad Murad, Setiausaha Sulit kepada Yang Teramat Mulia.

Persidangan yang telah di-hadiri oleh Yang Teramat Mulia berserta rombongan itu merupakan undangan dari Menteri Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie di-mana Yang Teramat Mulia ada-lah sa-bagai pemerhati dalam rombongan Kerajaan Malaysia.

Yang Teramat Mulia di-iringi oleh YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin dan Datin. Turut mengiringi termasuklah YDM Pehin Orang Kaye Perdana Indera Dato Setia Awang Haji Md. Taha dan Malai Haji Ahmad Murad, Setiausaha Sulit kepada Yang Teramat Mulia.

Persidangan yang telah di-hadiri oleh Yang Teramat Mulia berserta rombongan itu merupakan undangan dari Menteri Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie di-mana Yang Teramat Mulia ada-lah sa-bagai pemerhati dalam rombongan Kerajaan Malaysia.

Memerhati tugas Urusan Haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memperkenankan penghantaran tiga orang Pegawai Haji di-Jabatan Hal Ehwal Uagama, bagi tujuan memerhati tugas2 urusan Haji di-Lembaga Tabong Haji Malaysia (LUTH).

Awg. Haji Mohd. Kasim bin Haji Ahmad, Pegawai Urusan Haji, telah berlepas meninggalkan negeri ini ka-Kuala Lumpur bagi tujuan tersebut, pada hari Sabtu lepas, 16hb. Oktober.

Sementara itu, dua orang pegawai lain, Pg. Haji Ahmad bin Pg. Damit, Setiausaha Haji dan Dayang Rafeah bte Haji Mohd. Yassin, Penolong Setiausaha Haji akan bertolak bagi tujuan yang sama pada 6hb. Nobember depan,

Melawat M'sia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan yang terdiri dari ahli2 Sharikat Kerjasama Ternakan Antar Maja (TERAJU) akan bertolak ka-Malaysia pada petang ini untuk mengadakan lawatan sambil memerhati.

Mereka akan melawat Johor, Melaka, Perak dan Selangor untuk melihat sa-chara dekat peniaga2 Melayu mengusahakan ladang2 ternakan seperti lembu, kerbau dan ayam.

Mereka akan berada di-Semananjung Malaysia sa-lama kira2 10 hari.

Manis-nya Iman

"Dua nekmnat yang ramai orang terpedaya di-dalam-nya: kesihatan dan kelapangan".
— HADITH Nabi riwayat Al-Bukhari daripada Ibnu Abbas.



YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan YTM Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah ketika turan dari kapal terbang RBA.

Selamat melahirkan sa-orang Putera

MENJUNJONG sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin, dengan amat sukachita di-umomkan bahawa Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Nasibah, isteri

kapada Yang Amat Mulia Pengiran Negara Indera Pengiran Anak Kamarulzaman, dengan izin Allah telah selamat melahirkan sa-orang Putera pada hari Sabtu 27hb. Dzulhijjah 1402 bersamaan dengan 16hb. Oktober, 1982 jam 6.20 pagi.

Preview Seni Lukis

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pelukis Brunei akan mengadakan Preview Seni Lukis Tahunan bagi tahun 1982, pada pukul 9.30 pagi hari Ahad ini, 24hb. Oktober di-Dewan Pameran Muzium Brunei di-sini.

Preview tahun ini bertemakan 'Brunei Tanah Ayer-ku' akan bermula dengan satu majlis Pembukaan rasmi. Ia-nya

akan di-bukakan bagi kunjungan orang ramai pada hari tersebut sa-hingga jam 5.00 petang, dan pada waktu2 pejabat pada hari berikuit-nya sa-hingga 7hb. Nobember, 1982.

Ahli2 Persatuan Pelukis Brunei dan ahli2 bersekutu ada-lah di-kehendaki menghantar karya masing2 tidak lewat dari jam 4.30 petang esok, 21hb. Oktober.



Pelita Brunei

DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHAR
HASMI
KEHABAN
NEGRI
BRUNEI

20HB. OKTOBER, 1982

Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang

PERSATUAN2 IKHTISAS SALORAN UTK MENYUMBANGKAN KHIDMAT

Pada masa ini sudah ada beberapa buah persatuan yang ditubuhkan menurut bidang2 ikhtisas tertentu. Penubuhan-nya tentu-lah bagi faedah2 yang boleh di-berikan kepada ahli2-nya di-samping sumbangan kepada masyarakat pada umum-nya. Dari segi yang lain dapat pula di-perchayai bahawa ada-nya persatuan2 sedemikian itu memberi pertanda yang baik kepada pergerakan intelek di-negeri ini.

Setakat ini persatuan2 sedemikian boleh di-katakan dalam lingkungan ikhtisas seperti perguruan dan pendidikan yang setentu-nya juga meliputi bidang2 pelajaran yang luas itu. Ada sa-buah dua yang khusus di-kenali dengan bidang2 yang tertentu seperti Persatuan Sains dan Persatuan Kimia serta juga Persatuan Pembaca2 Al-Kor'an. Dari segi ini, apa pun bentuk dan chara keanggotaan-nya kita melihat ia ada-lah suatu perhubungan bagi mengkhususkan bidang2 pergerakan oleh orang2 kita yang mempunyai kesedaran untuk bukan sahaja setakat berpersatuan semata2 kerana berpersatuan bahkan untuk menggerakkan kegiatan yang berfaedah kepada ahli2-nya dan masyarakat. Meneliti hal ini maka kita berkeyakinan tidak akan ada, bahkan tidak sepatut-nya ada unsur berlawanan-lawanan di-antara berbagai persatuan itu. Sebaik-nya kesemua yang ada itu akan merupakan saluran sehat bagi sebarang kerjasama dan persefahaman di-kalangan orang2 kita yang sudah di-ketahui dengan professional masing2 itu.

Kita tidak meragukan faedah2 yang akan di-dapat oleh ahli2 persatuan itu dari segi meningkatkan mutu profesion masing2 atau sekurang2-nya membaiki prestasi masing2 dalam bidang yang di-minati. Kegiatan masing2 itu setakat ini sudah menuju kearah itu. Pun kita bersedia menyanjong tinggi usaha2 yang telah dan akan di-buat oleh persatuan2 itu dalam menentukan sumbangan-nya kepada masyarakat. Tinggal lagi mungkin sudah tiba masa-nya pemikiran yang bersungguh2 di-buat pada menentukan sumbangan kepada masyarakat dengan mengambil kira kehendak2 yang sebenar2-nya berbangkit.

Maksud kita ia-lah sudah sepatut-nya masharkat menerima sumbangan bakti dari orang2 kita menurut bidang kebolehan masing2 di-luar profesion sa-bagai pegawai dan kakitangan Kerajaan. Dalam bidang2 yang tertentu di-mana keperluan2 negeri dan rakyat sudah ternyata berbangkit mereka setentu-nya memahami akan had2 keupayaan Kerajaan. Misal-nya: Dalam bidang pelajaran sahaja kita mendapati berbagai masalah termasuk antara-nya kelemahan2 pencapaian murid2 dan penuntut2 dalam mata2 pelajaran tertentu. Kerajaan bukan tidak berupaya untuk mengadakan sekolah dan membiayai peralatan yang selengkap-nya dan merancang tenaga2 pengajar yang di-perlukan tetapi dalam masa yang sama keupayaan Kerajaan tentu-lah terhad, umpama-nya, oleh chorak dan bentuk kerja di-dalam-nya yang antara-nya ia-lah terikat kepada masa dan peratoran2 pentadbiran. Maka di-luar had itu orang2 yang sama termasuk guru2 dan pendidik yang sedia mempunyai kebolehan dalam bidang2 tertentu sayugia-lah mengambil tempat. Dan sa-bahagian mereka sudah pun mengambil tempat itu dengan chara berpersatuan menurut bidang2 ikhtisas. Dengan itu orang ramai sudah selayak-nya ingin melihat, kata-lah, persatuan2 itu akan mengadakan kelas2 bimbingan bagi mengatasi kelemahan murid2 dan penuntut2 atau menimbulkkan minat mereka itu dalam mata2 pelajaran yang sangat menjadi perhatian sekarang seperti sains, ilmu hisab dan bahasa Inggeris.

Mungkin tidak keterlaluan kalau di-sini di-sebut chontoh bagaimana sa-buah persatuan yang di-tubuhkan untuk satu bidang yang khusus ia-itu membaca Al-Kor'an telah bergerak, walaupun sederhana, bagi faedah ahli2-nya dan bagi faedah masyarakat. Kelas2 bimbingan Al-Kor'an yang di-adakan-nya untuk semua peringkat terutama sekali di-peringkat permulaan membaca Muqaddam tentu-lah sangat tepat bagi memenuhi keperluan yang berbangkit di-mana kita di-negeri ini bermaksud menjadikan sa-tiap orang Islam tahu membaca Al-Kor'an. Dalam hal ini Kerajaan bukan tidak berupaya mengadakan sekolah dan menyalurkan pelajaran membaca Al-Kor'an di-sekolah2 tetapi tentu-lah penyeleran sedemikian itu terhad oleh batas2 pembahagian waktu bagi satu2 mata2 pelajaran. Akibat-nya tentu-lah pencapaian murid serta juga kesempatan belajar oleh kesemua murid yang menjadi terget audience juga terhad. Maka dengan usaha persatuan sedemikian itu ia telah menggerakkan suatu saluran penyambungan usaha2 Kerajaan dalam menentukan orang2 Islam di-negeri ini pada masa2 yang akan datang kesemua-nya pandai membaca Al-Kor'an. Kita sedar usaha persatuan yang di-maksudkan itu maseh juga di-peringkat awal. Tetapi inisiatif yang sudah di-ambil-nya ada-lah tepat dan patut menjadi pertimbangan oleh persatuan2 lain dalam bidang ikhtisas yang lain yang juga maseh dalam bidang2 pelajaran.

Kearah itu kita sebenar-nya sangat menaruh harapan yang setentu-nya kita memperchayai tidak akan 'rapan-rapan' dari melihat pemikiran dan usaha gigh persatuan2 yang sudah di-tubuhkan menurut bidang ikhtisas tertentu-itu.

Alhamdulillah, shukor ka-hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kapada Junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. dan sahabat2 serta pengikut2 Baginda yang setia lagi jujur hingga ka-akhir zaman.

Sekarang dengan izin Allah kita mula memasoki tahun Hijrah 1403, dan dengan izin Allah juga tahun Hijrah 1402 telah selamat kita lalui, dan kita melalui-nya dengan berbagai2 kenangan, berbagai2 peristiwa, ada di-antara-nya menyukakan, dan ada di-antara-nya mendukacitakan, berchampur-lah di-antara kenangan manis dan kenangan pahit, dan sa-chara khusus masing2 dari kita membuat berbagai2 penilaian terhadap diri kita sendiri mengenai dengan rekod perjalanan pada tahun Hijrah 1402 yang kita tinggalkan itu.

Kalau rasa-nya rekod kita itu berse, dalam erti kata kita tertunai dengan baik dan dengan sempurna-nya akan segala kewajipan kita, dan segala tanggung-jawab kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kepada diri kita sendiri dan kepada orang2 yang di-bawah tanggungan kita, serta kepada pehak2 lain sa-sama makhluk ini, maka kita bersukor ka-hadhrat Allah Subhanahu Wata'ala, dan sa-lanjut-nya berdoa semoga kesempurnaan yang sedemikian itu, akan di-izinkan oleh Allah untuk berterusan pada tahun ini dan tahun2 akan datang jika umur kita di-lanjutkan-Nya, semoga Allah akan lebeh mem-berkati-nya, dan me-lebihkan usaha kita pada mendapatkan rahmat Allah dan pada menchapai keredhaan Allah. Alhamdulillah.

HAWA NAFSU

Dalam pada itu, mungkin dalam tahun 1402 Hijrah yang lalu, dan juga mungkin dalam tahun2 sebelum-nya, kita ada terperangkap oleh runtunan hawa nafsu, atau di-pengaruhi oleh godaan2 yang memang banyak dan terlalu menarek pada waktu akhir2 ini, sahingga sa-bahagian daripada kita mungkin tergelincir, di-antara-nya terlalai pada menunaikan sembahyang waktu pada waktu-nya, dan mungkin juga hingga sekarang ini maseh belum sempat di-qadha sembahyang2 waktu yang tertinggal itu, maka kita sa-bagai orang Islam, ada-lah perchaya dan yakin bahawa kewajipan2 fardhu yang tertinggal atau sengaja di-tinggalkan itu, seperti sembahyang fardhu ada-lah wajib di-qadha, dan kita wajib bertaubat dan memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Maka bersempena dengan menjelang-nya tahun 1403 Hijrah ini, ada-lah terlalu baik bagi kita untuk memikirkan perkara kewajipan yang di-berikan oleh Allah kepada kita untuk kita tunaikan dengan sempurna-nya. Kalau kita telah terlanjur pada masa yang lalu, umpama-nya pernah men-chuai2kan sembahyang waktu dan melambatkan-nya sa-hingga luput sembahyang itu dari waktu-nya, dan sampai ini pun sembahyang yang luput itu belum lagi kita qadha, dan

TUNAIKAN KEWAJIPAN DGN. LEBEH SEMPURNA

kini kita telah insaf akan kechuaian diri kita itu, serta kita berada dalam keadaan takut kerana maksiat dan dosa yang telah kita lakukan dahulu itu, maka Allah Subhanahu Wata'ala tidak-lah membiarkan hamba2-nya yang telah insaf akan kesalahan2 mereka dalam keadaan terkatong2, bahkan Allah Subhanahu Wata'ala membukakan pintu taubat kepada kita, supaya hamba2-nya yang telah insaf itu mening-galkan perbuatan maksiat dan perbuatan dosa yang telah lalu itu, dan hamba2-Nya itu menyesali akan diri mereka kerana pada masa2 yang lalu itu mereka telah melakukan perbuatan2 maksiat dan perbuatan2 dosa, dan hamba2-Nya yang insaf itu pula telah berazam dengan bersungguh2 bahawa mereka tidak lagi akan mengulangi perbuatan maksiat dan perbuatan dosa yang pernah di-lakukan-nya itu untuk sa-lama2-nya.

Allah Subhanahu Wata'ala mewajibkan kepada mereka bertaubat, dan Allah mengalu2kan taubat mereka itu. Menurut Sheikh Hassanin Mohammad Makhluf dalam kitab-nya Fatwa Shari'ah, Penggal I muka surat 101 bahawa — "Barang siapa melakukan sesuatu daripada maksiat yang di-haramkan oleh Allah s.w.t. kemudian orang itu bertaubat dengan taubat nasoha, ia menyesali akan perbuatan maksiat yang pernah di-buatkan itu, dan ia meninggalkan perbuatan maksiat itu serta berazam dengan sungguh2 bahawa ia tidak akan mengulangi-nya lagi, serta ia mengembalikan hak orang kepada orang yang ampunya hak itu jika maksiat itu berhubung dengan hak2 hamba Allah, maka Allah s.w.t. telah berjanji, sa-bagai pengorniaan daripada-Nya dan sa-bagai rahmat kepada hamba2-Nya, akan menerima taubat-nya itu, sa-bagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah

Ash-Shura ayat 25 yang bermaksud —

"Dan dia-lah (Allah) yang menerima taubat hamba2-Nya dan memaafkan kesalahan2 dan meng-tahui apa yang kamu per-buat."

JANJI ALLAH

Janji Allah itu ada-lah benar dan khabar-nya itu ada-lah betul, dan Allah Subhanahu Wata'ala ber-firman dalam surah Al-Furkan (dari ayat 68 hingga 71) sa-lepas Allah menerangkan berbagai2 dosa yang besar dan ke-salahan2, yang bermaksud — "Dan siapa yang mengerjakan semua itu (dosa2 dan larangan2) neschaya ia akan menerima hukuman. Kapada-nya akan di-lipat-gandakan seksaan pada hari kiamat, dan mereka tetap di-sana dalam keadaan terhina, kechuali orang yang telah bertaubat dan beriman serta mengerjakan perbuatan yang baik, maka kejahatan orang2 itu di-ganti oleh Allah dengan kebaikan, dan Allah itu maha peng-ampun, maha penyayang, dan orang2 yang bertaubat dan mengerjakan per-buatan yang baik itu maka sesungguh-nya dia kembali (bertaubat) kepada Allah dengan di-terima baik."

Dan menurut Sheikh Hassanin Mohammad Makhluf bahawa — "Taubat menghapuskan dosa dan ia tidak mening-galkan bekas, sa-bagai suatu nikmat daripada Allah dan pengorniaan-Nya jua."

Demikian apa yang di-terangkan oleh Sheikh Hassanin Mohammad Makhluf.

Dalam suasana kita memasoki tahun baru Islam 1403 ini, dan sa-bahagian kita telah benar2 menginsafi akan keterlanjuran2 dan kechuaian2 diri terhadap kewajipan2 yang di-pikulkan dan di-fardhukan oleh Allah kepada kita, maka di-saat kita menyedari dengan sebenar2-nya akan ke-dudukan dan keadaan diri kita sekarang ini, maka ada baik-nya kita berusaha dengan ber-sungguh2 pada mendekatkan diri kita kepada Allah dengan sa-ikhlas2-nya dan melakukan taubat yang sebenar2-nya, bagi mendapatkan rahmat Allah dan bagi menchapai keredhaan-Nya jua. Ada-lah menjadi kewajipan

BERIKUT ia-lah perutusan menyambut tahun baru Hijrah 1403 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei.

kita untuk bertaubat, dan untuk terus menerus menunaikan kewajipan kita dengan sempurna-nya, khas-nya sembahyang fardhu lima waktu itu hendak-lah kita tunaikan di-dalam waktu-nya, dan tunaikan dengan segera qadha ibadat fardhu yang telah luput masa-nya bagi orang2 yang maseh ada qadha yang belum di-sempurnakan lagi, dan qadha itu jangan-lah kita teragak2 pada mengerjakan-nya, qadha itu hendak-lah di-kjakan seberapa yang terdada, dan seberapa chepat yang boleh.

Untuk menghilangkan ke-raguan bahawa sunggoh pun taubat itu menghapuskan dosa, tetapi hak hendak-lah di-tunaikan, sembahyang itu hak Allah yang menjadi kewajipan kepada kita untuk kita tunaikan. Taubat yang di-lakukan itu menghapuskan dosa kerana men-chuaikan sembahyang umpama-nya, tetapi hak Allah yang men-jadi kewajipan kita untuk di-tunaikan itu hendak-lah di-lakukan, termasuklah qadha, mesti di-sempurnakan.

Sa-sudah kita bertaubat dengan sebenar2-nya, dan dosa yang telah lalu di-hapuskan oleh Allah, kemudian kita chuai2kan pada membayar qadha itu, maka akibat-nya dosa baru pula akan mendatang kerana men-chuai2kan pada membayar qadha itu.

AZAM YANG KUAT

Kerana itu azam yang kuat sangat-lah di-perlukan dalam menghadapi suasana yang nampak-nya berat ini. Tetapi jika kita berfikir sa-chara tenang, dan kita tanamkan azam yang kuat, Insha Allah, Allah akan memberi kita taufik dan hidayah, dan kita perchaya dengan tidak ada shak dan tidak waham, bahawa apa yang kita kerjakan itu pasti akan mendatangkan kebaikan kepada diri kita sendiri, baik di-dunia mahu pun di-akhirat, dan Allah akan memberi rahmat-Nya kepada kita.

Maka teruskanlah azam yang kuat itu dengan perbuatan yang bersungguh2, sa-bagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Imran ayat 159 yang bermaksud — "Dan apabila engkau telah berazam (mempunyai keputusan yang tetap) perchayakanlah diri-mu dan bertawakal-lah kepada Allah."

Dengan azam yang kuat, dan azam itu di-laksanakan dengan perbuatan yang sa-ikhlas2-nya, maka kita akan melihat sendiri akan hasil2nya, sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Bara'ah ayat 105 yang bermaksud — "Dan katakanlah oleh mu-hai Muhammad, bekerja-lah kamu, beramal-lah kamu maka Allah dan Rasul-Nya serta orang2 yang beriman akan melihat pekerjaan kamu itu."

Semoga Allah mem-berkati kita semua, dan mem-berkati segala usaha kita yang berkebaikan dengan taufik dan hidayah-Nya, dan kita di-limpahi-Nya rahmat dan keredhaan-Nya.

JAWATANKUASA MENELITI MASAALAH PELAJARAN

BANDAR SERI BEGAWAN — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei telah menubuhkan sa-buah Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Meneliti Masalah2 Pelajaran yang akan bertugas untuk menjalankan penelitian dan pengkajian bagi mengetahui sa-jauh manakah Laporan Surohanjaya Pelajaran 1972 itu telah berjalan dan di-laksanakan tepat menurut hasratnya. Ahli2 Jawatankuasa yang di-lantik itu terdiri daripada:

Pengerusi: Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Mohd. Jamil Al-Sufri, Pengerusi Majlis Pelajaran, Brunei. Setiausaha: Yang Mulia, Awang Haji Ibrahim bin Haji Muhammad Said, Pegawai Penyelaras Kanan, Majlis Pelajaran, Brunei. Dan tiga orang ahli2-nya: Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei. Yang Mulia, Awang Selamat bin Munap, Pemangku Pengarah Pelajaran, Brunei. Yang Mulia, Awang Abd. Razak bin Haji Muhammad, Pengarah Radio Talivishen Brunei.

Dasar2 Pelajaran yang di-shorkan oleh Laporan Surohanjaya Pelajaran 1972 yang telah diperkenankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei itu mengandungi lapan perkara penting yang di jadikan sa-bagai arah matalamat perkembangan pelajaran di-negeri ini:

1. Untuk menjadikan sa-chepat mungkin Bahasa Melayu sa-bagai bahasa pengantar dalam sekolah2 rendah dan menengah kebangsaan sesuai dengan kehendak Perlembagaan.

2. Untuk meninggikan ukoran penggunaan Bahasa Inggeris dalam sekolah2 rendah dan menengah di-negeri ini.

3. Untuk lebeh menitik-beratkan pelajaran Ugama Islam sesuai dengan kehendak Perlembagaan.

4. Untuk menyediakan pelajaran sa-lama 9 tahun yang sesuai dengan kehendak negara terus-menerus kepada semua kanak2 Brunei; 6 tahun di-sekolah2 rendah 3 tahun di-sekolah menengah bawah.

5. Untuk memastikan, dengan menyediakan ikhtisar mata-pelajaran yang isi-nya sa-rupa, yang

taraf pelajaran di-semua sekolah ada-lah sa-banding.

6. Untuk menjadikan pelajaran menengah di-chapai oleh semua orang berdasarkan kepada kehendak2 dan kebolehan mereka.

7. Untuk memberikan kepada semua kanak2 Brunei segala kemungkinan peluang demi menjadikan diri mereka berguna untuk perkembangan negara bagi memenohi segala kehendak2 yang di-perlukan oleh negara supaya semua kehendak2 itu di-penuhi oleh rakyat Brunei sendiri.

8. Untuk menimbulkan, melalui saloran2 di-atas, suatu identiti kebangsaan sa-bagai tapak pertumbuhan rasa taat setia kepada Brunei, dan juga membangun kecekapan dan sifat melentor di-dalam sistem pelajaran untuk memenohi kehendak2 pembangunan negeri ini.

Untuk melaksanakan tujuan dasar tersebut, Rancangan Perlaksanaan-nya telah di-susun dan telah pun di-perkenankan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan juga pehak yang berkenaan telah di-arahkan untuk menjalankan-nya.



YB. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri.



Awang Haji Ibrahim bin Haji Muhammad Said.



YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain.



Awg. Selamat bin Munap



Awg. Abdul Razak bin Hj. Muhammad.

Sa-telah sa-puluh tahun berlalu dasar tersebut di-arahkan untuk di-jalankan, nampak-nya hasil ranchangan itu belum menchapai kepada maksud hasil-nya. Memandang kepada keadaan sa-demikian berkemungkinan ada sa-suatu yang menghalang atau ada sebab halangan-nya itu. Oleh kerana pelajaran ini ada-lah menjadi satu syarat mutlak kepada pembentokan bangsa dan sangat2 di-perlukan oleh sa-suatu bangsa bagi menyempurnakan kehendak hidup rakyat sa-buah negeri itu maka jawatankuasa ini mengharap

pegawai2 Jabatan Pelajaran, Pengetua2, Guru2 Besar, Guru2 dan lain2 pehak yang berkenaan termasuk-lah orang ramai dapat memberikan kerjasama dalam memberikan maklumat atau penjelasan dan penerangan yang di-perlukan samada melalui soalan2 bertulis yang di-edarkan atau pun sechala lisan untuk di-jadikan sumber pengkajian dan penelitian Jawatankuasa ini. Segala maklumat penerangan dan penjelasan mengenai perkara2 yang di-perlukan samada berupa jawapan bertulis atau pun sa-chala lisan ada-lah di-tarapkan sa-bagai RAHSIA dan TER-

HAD yang hanya khusus dalam pengetahuan Setiausaha dan Pengerusi Jawatankuasa ini dan di-jamin tidak akan menyentoh jawatan dan kerjaya mereka sehari2. Oleh kerana itu di-harap sa-tiap pehak yang berkenaan tidak akan teragak-agak dan ragu2 untuk tampil ka-muka bagi memberikan pandangan masing2 demi untuk kemajuan pelajaran bagi rakyat dan penduduk Brunei ini yang sa-laras dengan hasrat dan chita2 Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk negeri yang merdeka dan berdaulat.

Mejar Ambran ikuti dua kursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mejar Ambran bin Haji Mohd. Noor dari Battalion Pertama telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Ahad lepas untuk menghadiri dua kursus ketenteraan.

Mejar Ambran akan mengikuti kursus Pegawai Turus Tentera Bahagian III (Army Staff Course Division III) dari 25hb. Oktober, 1982 hingga 17hb. Disember, 1982 di-Royal Military College of Science, Shrivenham, Swindon.

Beliau juga akan menghadiri Kursus Pegawai Turus Tentera (Army Staff Course) di-Maktab Turus Tentera (Staff College), Camberley, Surrey dari

9hb. Januari, 1983 hingga 11hb. Nobember, 1983.

Sementara itu lima orang anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei telah kembali ka-tanah ayer baru2 ini sa-telah menamatkan kursus sa-lama lima minggu Penulung Jurulatah Latehan Jasmani, bertempat di-Hongkong Physical and Adventurous Training Centre, di-Kem Sek Kong, Hongkong.

Mereka ia-lah 57 Kapitan Matzan bin Abd. Ghani dari Markas Pasokan, 5983 LKpl 6511 Perajurit Basni bin Jaluddin dari Angkatan Laut, 5459 LKpl Hashim bin Awang Damit dari Battalion Kedua dan 6408



Mejar Ambran bin Haji Mohd. Noor

Perajurit Kasim bin Raya dari Kompeni RHQ.

Sementara itu, 62 Kapitan Affalon bin Dato Haji Hamidoon dan 4158 LKpl Othman bin Aliyuddin dari Pusat Latehan, 117 Lt. Mahmud bin Haji Saidin dan 118 Lt Rosli bin Ahmad dari Chawangan Udara dan 4261 SSgt Kamis bin Tengah dari Battalion Pertama, telah tiba di-Brunei Juma'at ini, 15hb. Oktober.

Ka-arrah melahirkan pelukis berkaliber

KUALA BELIAT. — Jabatan Pelajaran melalui Bahagian Kesenian-nya dalam tempoh hampir dua dekad telah dapat mengeluarkan beberapa pelukis berkaliber yang mana di-antara mereka sudah pun menchapai taraf antarabangsa.

Langkah2 seterusnya telah dan sedang di-ambil oleh jabatan ini, untuk memupok dan menggalakkan perkembangan seni sa-bagai kegiatan2 sekolah yang mana di-antara lain-nya termasuk mengadakan pameran seni lukis dan pertukangan tangan peringkat negeri sekolah2 menengah dan maktab2 yang telah di-adakan sejak 17 tahun yang lalu.

Demikian telah di-jelaskan oleh Awang Selamat bin Munap, Pemangku Pengarah Pela-

jaran di-dalam ucapan perasmian beliau di-pertandingan seni lukis dan pertukangan tangan peringkat negeri sekolah2 menengah dan maktab2 yang berlangsung di-Dewan Kemasyarakatan di-sini pagi Sabtu lepas.

Beliau seterusnya menyentoh Dasar Pelajaran yang sudah di-luluskan oleh Kerajaan Kebawah DYMM mempunyai matalamat2 yang berbagai yang patut di-beri tekanan yang berseimbangan di-dalam perlaksanaan masing2 menurut kemampuan dan kesanggupan yang ada dari sa-masa ka-semasa.

"Pameran yang kita sama2 neikmati dan saksi-kan pada hari ini bukanlah sa-kadar mengukir atau menguji kemahiran sa-seorang murid, tetapi ada-lah di-fikirkan lebeh

penting lagi jika ia-nya bukan sahaja memperbaiki naluri kesenian murid2 dan menghidupkan daya kreatif mereka tetapi menghidupkan serta memperkembangkan kegembiraan orang ramai kepada seni," tambah beliau.

Pemenang keseluruhan bahagian Menengah bawah Tingkatan I, II dan III ada-lah Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin dan sekolah yang sama telah juga berjaya mendapat markah tertinggi di-dalam keputusan keseluruhan mata kemenangan bagi pameran seni lukis dan pertukangan tangan ini.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh Pemangku Pengarah Pelajaran itu di-akhir achara. — S.L.

USAHA DAN TINDAKAN DI-SELARASKAN DENGAN DASAR PELAJARAN

GADONG — Kita tidak punya hak untuk membuat sa-barang tegoran atau chelaan kalau-lah orang2 kita Brunei berkejar2 pangkat kedudukan dan peluang2 untuk menambahkan lagi harta benda serta meninggikan taraf hidup masing2.

Kata-nya, "Di-dalam kontek yang ada sekarang kalau-lah orang2 kita Brunei, khusus-nya orang2 Melayu, tidak rebut2an neschaya lapangan2 yang tertentu di-dalam ekonomi negeri ini akan di-kuasai dan terus di-kuasai oleh orang2 asing, entah sampai bila."

Pemangku Pengarah Pelajaran, Awang Selamat bin Munap sa-laku Penasihat Persatuan Pendidik Nasional Brunei

berkata ada-lah sudah menjadi dasar Kerajaan Kebawah DYMM untuk menggalakkan anak2 tempatan, khusus-nya orang2 Melayu untuk berkecimpung di-dalam semua lapangan sa-bagai pekerja, mau pun peniaga dan pengusaha.

Berucap demikian di-Majlis Mashuarat Agong kali ke-II Persatuan Pendidik Nasional Brunei yang telah berlangsung di-Dewan Mashuarat Pusat Tingkatan Enam, Gadong, pada 10hb. Oktober yang baru lalu.

Awang Selamat menyatakan para intelektual sudah tentu terhutang budi kepada masyarakat yang melahirkan dan mengasah

mereka hingga ka-peringkat yang mereka chapai sa-jauh ini patut-lah merupakan 'conscience' masyarakat, meski pun mereka sibok mengejar pangkat dan kedudukan serta peluang2 untuk meninggikan taraf kehidupan di-atas jalan yang di-redhai oleh Allah.

Kata beliau, "Masa itu merupakan satu ketika yang menyedihkan kalau-lah para intelektual di-negeri ini, termasuk para pendidik, menunjukkan kesedaran atau 'consciousness' yang agak terhad dari segi perspektif masa-nya, terlalu materialistik pada bentuk rupa-nya, serba hedonistik dari segi akidah-nya dan agak 'opportunistic' dari segi strategi dan taktik-nya."

Sa-lanjut-nya beliau berkata, sungguh pun kita berusaha dan bertindak atas dorongan "sense of professionalism" namun sa-baik2-nya segala usaha2 dan tindakan di-selaraskan dengan langkah2

dan dasar2 kerajaan di-salurkan melalui saluran2 yang tertentu.

Di-dalam kontek ini ujar-nya, segala usaha2 dan tindakan2 dan dasar2 yang di-jalankan oleh Jabatan Pelajaran kerana meski pun usaha2 pada memperbaiki lagi kesedaran umom merupakan tugas dan tanggung-jawab semua, namun sa-baik2-nya segala usaha2 dan tindakan2 PPN tidak melampaui batas-nya

sa-bagai badan yang profesional.

Meskipun kegiatan2 PPN pada prinsip-nya terbatas kepada tujuan dan matalamat2 iktisad-nya namun pelajaran dan pendidekan di-negeri ini akan sentiasa merupakan bidang yang penting di-mana di-dalam-nya lebeh banyak lagi usaha2 yang berkesan harus di-pusatkan untuk memperbaiki-nya, tambah-nya. — MHM.



Awang Selamat bin Munap

Profeshen pendidekan sentiasa terdedah kpd pemikiran2 baru

GADONG. — Yang Diper-tua Persatuan Pendidik Nasional Brunei menjelaskan di-sebabkan profeshen pendidekan sentiasa terdedah kepada konsep2 dan pemikiran2 baru baik dalam disiplin pendidekan itu sendiri mahu pun disiplin2 lain, maka terdapat-lah berbagai fahaman atau teori apa itu pendidekan.

Kata-nya, terdapat berbagai pendekatan atau teknik2 yang berkaitan dengan pentadbiran pendidekan dan pengajaran yang lebeh 'sophisticated' terdapat-nya berbagai kepimpinan, model pentadbir, pendidek dan pemimpin yang berkesan dan yang tidak berkesan, yang bersesuaian tiap2 satu daripada-nya memang-lah tertaklok kepada berbagai sistem seperti sistem keperchayaan, politik, nilai, kebudayaan, tindakan, kemanusiaan dan sebagainya.

Berucap demikian di-Majlis Mashuarat Agong kali ke-II Persatuan Pendidik Nasional Brunei di-Dewan Mashuarat Pusat Tingkatan Enam, Gadong, pada hari Ahad, 10hb. Oktober yang baru lalu.



Awang Abdul Ghani bin Bujang

Awang Abdul Ghani bin Bujang menyatakan Persatuan Pendidik Nasional Brunei sa-bagai sa-buah persatuan profesional yang sentiasa mengambil perhatian berat terhadap perkembangan dan kemajuan pendidekan di-negeri ini, mengalu2kan titah Kebawah DYMM di-istiadat mengadap di-Lapau dalam bulan Ogos yang baru lalu, beliau berharap pehak yang berkenaan akan mengambil langkah membuat perubahan dalam bidang pentadbiran dan peringkat masing2 yang benar2 bersesuaian pada memenohi titah Kebawah DYMM.

Persatuan Pendidik Nasional, kata-nya, baru2 ini telah di-

terima menjadi ahli WCOTP iaitu World Confederation of Teaching Profession, yang mana keanggotaan PPN dalam WCOTP memberi erti yang besar kerana banyak faedah yang berharga boleh di-perolehi sa-chara langsung apabila sudah di-sesuaiakan, boleh di-gunakan untuk kepentingan di-negeri ini.

Awang Abdul Ghani berkata dalam laporan Surohanjaya Pendidekan UNESCO, ia-nya telah menggesa semua negara di-dunia baik yang sudah maju mahu pun yang sedang membangun supaya menjadikan "Pendidekan sa-umur hidup" sa-bagai matalamat pendidekan terakhir di-negara masing2.

Beliau menjelaskan, perakuan UNESCO bukan-lah satu perkara baru bagi orang2 Islam malah Nabi Muhammad s.a.w. pernah meninggalkan amanat-nya kepada umat Islam supaya menuntut ilmu terus menerus hingga ka-akhir hayat, kalau kita mahu menchapai kemenangan di-dunia dan akhirat.

Kata-nya, kalau UNESCO boleh menerima hakikat matalamat pendidekan yang telah di-amanatkan kepada umat Islam oleh junjongan kita Nabi Muhammad s.a.w. maka jelas-nya, sa-bagai orang2 Melayu Islam yang hidup dalam sa-buah negara yang memaklukkan agama Islam dalam perlembagaan-nya sa-bagai agama rasmi, tentu-lah sudah sampai masa-nya kita menerima sa-chara sirius matalamat "Pendidekan sa-umur hidup" sa-bagai hak milik kita sa-laku pewaris2 agama Islam dan menjadikannya panduan dan pedoman dalam mengotai acara akidah untuk pendidekan kita hari ini dan esok. — M.H.M.

Pegawai bertaualiah sa-bagai J-terbang

BANDAR SERI BEGA WAN. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei kini menawarkan kepada pemuda2 untuk berkhidmat sa-bagai Pegawai Bertaualiah Jangka Pendek untuk juruterbang di-dalam

pasokan tersebut.

Chalon2 ada-lah di-kehendaki untuk memenohi sharat2 yang diperlukan yang di-antara lain-nya mereka mesti-lah di-lahirkan di-negeri ini

dan raayat Kebawah DYMM yang terdiri daripada orang Melai dari kaum jati puak2 Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

Pemohon2 yang bukan dari kaum jati puak2 yang di-sebutkan tadi mesti-lah beragama Islam dan mensesuaian diri mereka dengan adat resam orang2 Melayu yang di-amalkan di-Brunei dan raayat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang ter-ta'alok kepada sebarang undang2 bertulis yang berhubung dengan kebangsaan-nya.

Sharat2 yang seterusnya mereka mesti-lah mempunyai kelulusan peringkat biasa dalam Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Physics, mesti-lah bujang dan berumur antara 17½ tahun hingga 25 tahun hingga 30hb. November 1982 dan tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang dari 105 paun.

Mereka yang terpilih akan menjalani latehan asas tentera sa-lama enam minggu di-Pusat Latehan Perkhemahan Bolkliah dan sa-telah tamat mereka akan di-hantar ka-United Kingdom untuk menerima latehan di-Maktab Tentera Diraja Cranwell.

Permohonan bertulis boleh-lah di-hantar kepada Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Perkhemahan Berakas dan ia-nya hendak-lah sampai tidak lewat dari Khamis 18hb November 1982.



Leftenan Abdullah Jofri (kiri) dan Lt. Hj. Ramli dengan bangga-nya memperlihatkan Hadiah Pelajar Seberang Laut yang di-anugerahkan kepada mereka berdua sa-telah selesai menjalani latehan sa-lama 18 minggu dalam Kursus Latehan Pegawai di-Maktab Angkatan Udara Diraja, di-Lincolnshire, England. Kedua2 mereka berkhidmat dengan Askar

Melayu Diraja Brunei sa-bagai pelatoh juruterbang helikopter. Anugerah bersama itu di-berikan kerana mereka berdua merupakan pelatoh yang terbaik dalam semua jurusan iaitu di-bidang kepimpinan, kualiti2 pegawai dan pengajian profeshenel.

Pada masa ini mereka meneruskan latehan dengan Skuadron No. 3 Chawangan Udara Askar Melayu Diraja Brunei.

Jadual Perpustakaan Bergerak mulai dari 20hb. hingga 26hb Oktober

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Panglima Beruddin, Limau Manis	20.10.1982	Rabu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Pengkalen Batu	20.10.1982	Rabu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Masin	20.10.1982	Rabu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Melayu Jerudong	23.10.1982	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Pusat Tahanan Jerudong	23.10.1982	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Melayu Sengkurong	23.10.1982	Sabtu	11.00-12.00 T/Hari
Sekolah Ugama Sengkurong	23.10.1982	Sabtu	2.00- 3.00 petang
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	23.10.1982	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	23.10.1982	Sabtu	4.30- 5.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	25.10.1982	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai Kampong Perpindahan, Berakas.	25.10.1982	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	26.10.1982	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	26.10.1982	Selasa	10.30-11.30 "

GUNAKAN MASA TERLUANG UNTOK MENGQADHA SEMBAHYANG

Sembahyang dalam Islam bukan chiptaan manusia

*Bingkisan
minggu
ini*

perkataan dan perbuatan yang di-mulai dengan takbiratul-ihram dan diakhiri dengan salam.

Dalam menunaikan ibadat sembahyang perkara yang paling mustahak untuk kita amalkan ialah keyakinan ada-nya Tuhan yang kita sembah lima kali dalam sehari sa-malam, memuliakan dan memuji-Nya yang dapat di-fahamkan dalam erti sa-tiap bacaan dalam sembahyang itu, di-samping menyatakan rasa

MARI-LAH kita terus menerus menanamkan rasa takwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar2-nya ia-itu dengan taat menjunjung titah perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.

Kita umat Islam di-negeri ini patut bersukor kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kornia-Nya sejak terchetus-nya masalaah hukum qadha sembahyang fardhu yang di-tinggalkan dengan senghaja baru2 ini, sudah demikian ramai kelihatan saudara2 kita dari kalangan umat Islam mula bergiat membayar dan mengqadha sembahyang2 fardhu yang mereka tinggalkan di-masa2 yang lalu itu. Ini ada-lah merupakan rahmat Allah

penghambaan kita sendiri yang tergambar dalam perbuatan dan lakuan sembahyang kita itu.

Sembahyang hendak-lah di-laksanakan dengan penoh keikhlasan hati ia-itu bersembahyang bukan di-sebabkan oleh ria' menunjuk2 atau malu kepada tetamu, tetapi ada-lah atas keinsafan kepada kewajipan-nya sebagai mu'min yang sejati.

Kita ada-lah makhluk yang lemah yang di-jadikan dari tanah, maka manusia itu akan kembali menjadi tanah, lapok, hancor dan fana' yang kekal ada-lah penchiptaan-nya yang maha agong lagi maha berkuasa. Di-samping menyedari asal kejadian kita, sembahyang itu juga menyatakan rasa terima kasih kita kepada Allah kerana nikmat dan rahmat yang di-anugerahkan-Nya kepada kita dalam kehidupan ini. Di-dalam sembahyang dan selepas-nya, jiwa kita akan merasa tenang dan tenteram, dan kita dapat menchurahkan perasan samasa memanjakan do'a ka-hadhrat Allah.

Allah berfirman dalam Surah Al-Ma'arij ayat 19 — 22 yang bermaksud:

"Sesungguh-nya manusia itu di-jadikan bersifat keloh kesah, jika menerima kesusahan ia amat gelisah dan apabila ia mendapat kesenangan ia bermegah kechuali orang2 yang bersembahyang."

Jelas bahawa sembahyang itu menjadi perisai dan senjata sa-orang mu'min untuk menempoh berbagai2 chubaaan dan godaan dalam menempoh gelombang kehidupan ini.

Ta'ala dan suatu petanda atau alamat yang baik yang menunjokkan umat Islam di-negeri ini tetap bersedia memikul tanggung-jawab terhadap kechuaian2 mereka yang telah lalu. Sikap mereka ini ada-lah suatu sikap yang wajar sa-bagai umat yang chintakan Allah dan Rasul-Nya.

Firman Allah Ta'ala di-dalam Surah An-Nur ayat 49 kira2 maksud-nya:

"Dan barangsiapa yang taat kapada titah perintah Allah dan Rasul-Nya dan dia takut melanggar perintah Allah serta menjaga diri-nya jangan terdedah kapada azab Allah, maka mereka-lah orang2 yang beroleh kemenangan."

Mudah2an dengan keinsafan kita di-atas kelalaian dan kechuaian kita yang telah lalu pada meninggalkan sembahyang fardhu yang lima itu kita akan terus bertaubat kapada Allah dengan sa-benar2 taubat dalam erti kata kita tidak lagi akan kembali kapada jalan hidup kita yang telah lalu yang boleh membawa kita masuk ka-dalam api neraka kerana meninggalkan sembahyang yang di-wajibkan oleh Allah itu. Dan dengan keazaman yang kuat, kita akan terus menggiatkan usaha untuk mengqadha segala sembahyang2 fardhu yang telah kita tinggalkan itu dengan sa-bberapa daya upaya dan dengan sa-bberapa segera yang boleh, supaya dengan jalan itu akan terlepas kita daripada bebanan menanggung hutang kapada Allah Ta'ala dan semoga Allah menerima segala amal ibadat kita.


BERTAUBAT

Rasulullah s.a.w. dalam sa-buah hadith pernah bersabda yang dalam bahasa Melayu-nya saperti berikut:—

"Telah di-riwayatkan daripada Ibnu Mas'ud r.a. kata-nya: Telah bersabda Rasulullah s.a.w.: Adakah kamu (sahabat2 baginda) tahu siapa-kah orang yang sa-benar2 bertaubat? Kami berkata: Allah dan Rasul-Nya lebeh mengetahui, lalu Baginda pun bersabda antara lain: "Barangsiapa bertaubat dan tiada ia belajar ilmu maka dia bukan-lah orang yang sa-benar2 bertaubat, dan barangsiapa bertaubat dan tiada ia menambakkan ibadat-nya maka dia bukan-lah orang yang sa-benar2 bertaubat."

Sabda Baginda dalam hadith yang lain: *"Apabila sa-orang hamba itu berkata aku sa-sungguh-nya takut akan masuk api neraka tetapi tiada dia berhenti dari melakukan perkara2 dosa (sa-umpama meninggalkan sembahyang fardhu yang*

KHUTBAH JUMAAT



lima), maka dia ada-lah sa-orang pendusta di-sisi Allah lagi bukan-lah sa-orang yang sa-benar2 bertaubat, dan jikalau sa-orang hamba itu berkata bahawa sa-nya aku ada-lah sangat kaseh kapada Nabi Muhammad alaihis-salatu wassalam pada hal ia tiada mengikut sunnah Baginda, maka dia ada-lah sa-orang pendusta lagi bukan-lah sa-orang yang benar2 bertaubat, dan jikalau sa-orang hamba itu berkata bahawa aku sangat ingin memelok bidadari di-shorga pada hal ia tiada memberikan mahar-nya, maka dia ada-lah sa-orang pendusta lagi bukan-lah sa-orang yang benar2 bertaubat. Ada pun orang yang benar2 bertaubat

ada-lah ia menjadi kekehaseh Allah dan kekehaseh Rasulullah sa-bagaimana firman Allah Taala yang bererti: *"Sesungguh-nya Allah ada-lah menyukai orang2 yang benar2 bertaubat dan menyukai orang2 yang mensuchikan diri dari segala dosa."*

MASA TERLUANG

Oleh kerana masa kita hidup di-dunia ini boleh di-katakan tiada lama dan kita selalu benar di-kekelilingi dengan berbagai2 kesebokan serta ajal dan maut tiada kita ketahui bila datang-nya, maka waktu dan masa yang terluang itu mustahak-lah kita gunakan dengan sa-baik2-nya untuk mengqadha sembahyang2 fardhu yang telah kita tinggalkan dengan tiada lalai dan chuai demi untuk melaksanakan tanggonggan2 kita terhadap Allah Ta'ala dan demi untuk menuntut keredhaan-Nya jua.

Majlis Penyampaian Sijil

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis penyampaian sijil kapada lepaan Maktab Perguruan Agama Seri Begawan akan di-adakan di-dewan maktab tersebut pada hari Sabtu 23hb. Oktober, jam 8.30 pagi.

Sa-ramai 48 orang Guru Ugama dan 16 orang peserta yang mengikuti Kursus Lanjutan Ilmu Fiqeh akan menerima sijil di-majlis tersebut.

Tetamu kehormat dalam majlis itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim yang juga menyampaian sijil2 dan hadiah2 pelajaran.

Berikut ia-lah Guru2 Ugama dan peserta2 yang akan menerima sijil pada hari tersebut. Mereka itu di-kehendaki hadir ka-Dewan MPUSB untuk menjalani lathcan (rehearsal) pada hari ini dan esok, 21hb. Oktober, mulai jam 8.30 pagi.

05KURSUS 'A' DAN 'B'

519A Ismail bin Abd. Wahab, 559A Abd. Wahab bin Sapar, 561A Rokiah bte Ibrahim/ Ibrahim, 563A Salmah bte Abd. Rani, 564A Jarimah bte Duraman, 565A Kula bin Hj. Besar, 566A Norliha bte Mohd. Noor, 567A Dk. Hashimah bte Pg. Hj. Jaludin, 568A Tainon/Maria bte Selamat/Lamat, 569B Dk. Salbiah bte Pg. Mat Salleh, 570A Rusma bte Kepli, 572B Osman bin Mamit, 573B Norsiah bte Md. Jair, 574B Sabini bin Kula, 575B Ayang bte Yassin, 576B Saimah bte Hj. Abd. Malik.

577B Mirasin bin Momin, 578B Faridah bte Mohd. Tahir, 579B

Rokiah/Juriah bte Ja'afar, 580B Siti Zaliha bte Hj. Mohd. Yusof, 581B Zaiton bte Hj. Tuah, 582B Rogayah bte Hj. Taha, 583B Dk. Halijah bte Pg. Damit, 584B Rokiah bte Awg. Taha, 585B Rusinah bte Sulaiman, 586B Hazizah bte Md. Yassin, 587B Siti Aminah bte Awg. Besar, 589B Laguna bte Suhaili, 590B Uisah/ Kaisah bte Nayan, 591B Haji Abas bin Awg. Tuah, 592B Marzuki bin Hj. Abd. Rahman, 593B Mohidin bin Mohammad.

594B Halipah bte Abd. Hamid, 595B Norpah bte Pgh. Hj. Md. Zain, 596B Siti Rahimah bte Abd. Rahman, 597B Siti bte Apang, 598B Siti Hawa bte Hj. Saban, 588B Ak. Ismail bin Pg. Hj. Chuchuh, 332B Hajjah Jamilah bte Hj. Tuah, 456B Halimah bte Hj. Tudin, 501A Mahani bte Budin, 554B Siti Halimah bte Hj. Pauji, 555B Af-sah bte Salleh, 556B Aini bte Ahmad, 453B Mataim bin Ahmad, 446A Mahani bte Ramle, 451B Siti Awa bte Akop, 482B Salmiah bte Hj. Nudin.

KURSUS LANJUTAN ILMU FQEH

90F Mahani bte Haris, 91F Rahmah bte Pungut, 92F Dy. Mahal bte Hj. Adol, 93F Sharifah Fatimah bte Syed Taha, 94F Husnah bte Mohd. Yusof, 95F Hajjah Sa'adiah bte Hj. Tamit, 96F Zainal bin Mohd. Daud, 98F Piudin bin Jambu, 99F Hajjah Ir-ing bte Ibrahim, 101F Norzainah bte Muhammad, 103F Mastura bte Abidin, 104F Pg. Duraman bin Pg. Hj. Damit, 105F Haji Ya'akub bin Muhammad, 108F Pg. Yunus bin Pg. Salleh, 109F Aishah bte Morni, 97F Hajjah Sarbanun bte Juned.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20hb Oktober, 1982 hingga ka-hari Selasa 26hb Oktober, 1982 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Dzuhor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
20hb Okt	12.12	3.30	6.11	7.26	4.33	4.48 6.05
21hb Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05
22hb Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05
23hb Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05
24hb Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05
25hb Okt	12.11	3.29	6.10	7.24	4.33	4.48 6.05
26hb Okt	12.10	3.28	6.09	7.23	4.33	4.48 6.05

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



Penghakiman di-jalankan bagi projek mengenai 'Pergigian' yang di-kemukakan oleh penuntut dari Maktab Anthony Abell, Seria.

Projek Sains: Melateh penuntut2 aktif berfikir

KUALA BELAIT. — Awang Mohd. Zaini bin Haji Omar, Pegawai Hal Ehwal Masyarakat di-Sharikat Minyak Shell Brunei mengharapkan supaya Pertandingan Projek Sains dapat memenohi matalamat-nya dalam melahirkan penuntut2 yang mempunyai daya berfikir yang aktif.

Dengan yang demikian, kata-nya, Brunei akan mempunyai penuntut2 yang selaras dengan sifat2 yang ada pada sa-orang saintis, yang memiliki apa yang di-kenali sa-bagai 'investigative' dan 'inquisitive' mind.

Beruchap mewakili sharikat itu di-Pertandingan Projek Sains baru2 ini, Awang Mohd. Zaini menjelaskan yang pencapaian ka-matalamat itu diharapkan seperti menerusi ujian kebolehan dalam merancang, menyelidik, menganalisa, memikirkan penyelesaian terhadap masalah2 yang di-hadapi dan seterusnya membuat penilaian terhadap kegiatan yang di-ungayahkan.

Pertandingan Projek Sains di-taja oleh Sharikat Minyak Shell Brunei, di-mana pihak itu di-fahamkan bahawa taraf pertandingan tersebut sejak ia-nya di-lancarkan, adalah pada keseluruhannya telah bertambah baik dari segi mutu dan daya imaginasi peserta2-nya.

Yang Dipertua Persatuan Pendidikan Sains Brunei, Awangku Haji Zaini bin Pengiran Haji Kamaluddin, ketika berucap di-majlis itu antara lain menegaskan yang usaha mengadakan peraduan sa-umpama itu wujud dari hasrat bagi meningkatkan daya pengajaran sains dan teknologi dalam tujuan dasar-nya menggalakkan pelajaran.

"Chara2 lain yang digunakan untuk tujuan ini ia-lah dengan memberikan

saloran di-mana guru2 dapat menyuarakan pendapat2 mereka mengenai pelajaran, menganjorkan perjumpaan, kuliah2 dan perbincangan2 dari masa ka-semasa bagi mereka yang berkenaan dengan pengajaran sains dan teknologi termasuk Perubohan2 Saintifik dan Industri2," jelas-nya.

Persatuan tersebut juga, menurut-nya, mengadakan hubungan antara-bangsa seperti menghadhiri Simposium Majlis Persatuan Pendidikan Sains Antarabangsa bagi wakil-nya, menghadhiri Seminar Pendidikan Sains dan sebagai-nya, yang mana akan memberi munafaat kepada pendidikan sains dan negara.

Awangku Haji Zaini selanjut-nya berkata bahawa peraduan tersebut juga akan memberi peluang kepada penuntut2 bagi mendapat pengalaman dalam kerja2 penyelidikan saintifik, dan pengalaman dalam merancang projek dan mengatasi masalah2-nya.

Kata-nya, "Ada-lah menjadi chita2 agar penuntut2 yang pernah turut serta dalam mengendalikan sa-sebuah projek itu akan menaruh minat dalam bidang2 penyelidikan dan boleh mem-

KUALA BELAIT. — Penolong Pengarah Pelajaran, Awang Mohd. Dennis bin Haji Roslee, Ahad lalu menyarankan supaya tumpuan dan perhatian terhadap penting-nya bidang sains tidak di-ketepikan dengan begitu sahaja, terutama di-zaman yang serba maju ini.

Beliau berkata demikian memandangkan terdapat-nya kechenderongan yang agak berkurangan di-bidang sains di-negeri ini di-bandingkan dengan kechenderongan dalam aliran seni dan sastera.

Awang Mohd. Dennis berkata, mata-pelajaran sains yang telah lama di-ajar di-sekolah2 hanya

bantu negara dalam memberikan tenaga mahir dan berkebolehan di-masa akan datang."

Pertandingan tersebut tahun ini telah memperlihatkan 21 buah projek dari Sekolah2 Menengah Kerajaan, Sekolah2 Misi dan Sekolah Menengah Chung Hwa di-seluruh negeri, ia-itu projek2 yang terpilih dari 112 penyertaan.

Dalam Bahagian Sekolah Menengah Bawah, johan ia-lah Sekolah Menengah SMJA yang mengemukakan projek mengenai Kesan2 Kimia Kapada Penunasan Debu Bunga, naib-johan ia-lah Sekolah Inggeris Berakas dengan projek mengenai Penyelidikan Rumput dan Sekolah Inggeris Perdana Wazir dengan "Hawkers Centre Study'.

Johan dalam Bahagian Menengah Atas ia-lah Maktab SOAS dengan projek mengenai Penganalisaan Ayer Di-Brunei, naib-johan dan tempat ketiga ia-lah Sekolah St. Michael dengan projek mengenai Kesuburan Tanah dan Kuasa Pyramid.

Sijil kapada peserta2 dan hadiah kapada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Penolong Pengarah Pelajaran, Awang Mohd. Dennis.

JANGAN KETEKPIKAN BIDANG SAINS

kadang2 di-sifatkan sa-bagai pelajaran untuk pereksaan sahaja dan tidak di-anggap sa-bagai mata-pelajaran yang penting yang membuka pintu ka-arrah peluang pencheboran dalam lapangan teknikal dan perusahaan.

Beruchap merasmikan Pertandingan Projek Sains Sekolah2 Menengah Kerajaan, Misi dan China di-seluruh negeri, anjoran Persatuan Pendidikan Sains Brunei yang berlangsung pada 10hb. Oktober, di-Dewan Sekolah Inggeris Perdana Wazir di-sini, Awang Mohd. Dennis menjelaskan;

"Walau pun seni dan sastera merupakan bahagian yang penting dan mustahak dari segi warisan dan identiti sa-sebuah negara itu, kita tidak boleh dengan begitu sahaja mengeneipikan tumpuan dan perhatian kita terhadap bidang penting-nya juga bidang sains itu, terutama sekali di-zaman yang serba maju ini di-mana sains dan teknologi boleh di-anggap 'synonymous' dengan kemajuan, pembangunan, penyelidikan, dan paling penting sekali 'survival'."

Pertandingan Projek Sains tahun ini di-adakan bagi kali ka-lima, yang mana merupakan projek tahunan yang di-anjorkan oleh Persatuan Pendidikan Sains Brunei dengan tajaan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Penolong Pengarah Pelajaran itu menambah kata, bahawa kegiatan sa-umpama itu boleh di-sifatkan sa-bagai usaha pada menimbulkan kesedaran dan penghargaan terhadap bidang sains di-kalangan kanak2 sekolah dan sa-terus-nya membentangkan tentang penggunaan sains dalam konteks dunia teknologi kapada orang ramai.

Idea mengadakan peraduan yang berchorak saintifik, menurut-nya lagi, akan dapat memberikan dorongan kapada kanak2 agar menaruh minat dalam kerja2 projek, sesuai dengan tujuan peraduan tersebut untuk memajukan penyelidikan saintifik.

"Ilmu Sains merupakan mata-pelajaran yang sangat menarik dan kanak2 sa-chara naluri tertarik kapada-nya kerana Ilmu Sains berhubung dengan beberapa peristiwa alamiah yang berlaku di-sekeliling mereka," ujar-nya.

Pelajar2 di-seru berusaha lebeh gigh

PEKAN BANGAR. — Pelajar2, khusus-nya pelajar2 Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMHS) di-seru supaya berusaha lebeh gigh dan dedikasi terhadap pelajaran mereka bagi mengimbangi usaha2 kerajaan Kebawah DYMM yang telah memperuntukkan berjuta2 ringgit demi kepentingan pelajaran mereka sa-tiap tahun.

Salah satu usaha kerajaan yang patut diimbangi oleh pelajar2 di-daerah ini ia-lah projek pembenaan Sekolah Menengah yang menelan belanja kira2 \$15 juta. Mereka bukan sahaja akan mempunyai bangunan sekolah yang indah malah ia-nya akan di-lengkapi dengan segala kemudahan pembelajaran.

"Tetapi bagaimana pun indah dan lengkap-nya bangunan Sekolah Menengah itu nanti, ia-nya tidak akan memberi makna jika pelajar2-nya sendiri tidak menampakkan motif pencapaian pelajaran yang tinggi," ujar Pemangku Penguasa Pelajaran Menengah, Awang Abdul Jalil bin Abdul Rahman sa-masa berucap di-Hari Pelajar SMHS bertempat di-padang sekolah tersebut pada hari Rabu lepas.

Berhubung SMHS, beliau mendapati pada masa2 yang terakhir ini pihak pentadbiran SMHS begitu giat memperbaiki mutu pelajaran pelajar2-nya. "Ada tanda2 menunjukkan bahawa sekolah ini sedang menuju ka-arrah yang dapat di-banggakan," jelas beliau.

Terdahulu dari itu, beliau menyatakan tema sambutan Hari Pelajar tahun ini yang berbunyi "Kesempurnaan Pendidikan ada-lah Tanggong-jawab Bersama Ibu-bapa dan Guru2". Walaupun tema ini jelas dan terang, namun demikian, Awang Abdul Jalil berkata guru2

hendak-lah berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan profesionalism mereka di-samping ibu-bapa pula mesti-lah sentiasa mengambil tahu terhadap perkembangan pembelajaran anak mereka sa-tiap masa.

Konsep pendidikan yang terkandung dalam tema tersebut, menurut hemat beliau mempunyai makna yang luas yang mana meliputi dalam segi ilmu pengetahuan, didekan rohani dan jasmani.

Pemangku Pengetua SMHS, Awang Osman bin Simbran pula dalam ucapan alu2an-nya menjelaskan ada beberapa chara bagi ibu-bapa menggalak dan mendorong anak2 mereka untuk belajar. Antara-nya, kata Awang Osman ia-lah dengan memberikan masa khas untuk mereka belajar di-rumah, memastikan samada anak2 mereka membuat kerja rumah yang di-arahkan oleh guru, mentelaah pelajaran dan sebagai-nya.

"Jangan-lah tuan2 beranggapan bahawa soal mengajar dan memberi pandai anak2 tuan2 itu terserah bulat2 kapada pihak sekolah," kata beliau sambil menjelaskan, "kalau tuan2 beranggapan sa-demikian sama-lah juga dengan menyerahkan segala aspek pembangunan negeri ini di atas bahu kerajaan semata2."

PEMBETULAN

Harga bagi pembenaan kompleks plaza RBA (keluaran Pelita Brunei Rabu, 29hb September 1982) sebenar-nya bukanlah \$12 juta. Harga penoh belum di-halusi lagi dan pihak RBA memohon maaf atas kesilapan pemberian maalamat ini — Penyunting.




Peserta dari Maktab SOAS ia-itu johan Bahagian Menengah Atas, kelihatan sedang menerangkan mengenai hasil penganalisaan mereka terhadap ayer di-Brunei ketika penghakiman di-jalankan.



'FALL GUY' Siri baru bermula Selasa depan

LEE Majors (di-kanan) ialah Fall Guy yang mempunyai mata pencharian yang merbahaya sa-bagai stuntman dan juga menangkap orang2 yang memungkir janji2 mereka dalam sesuatu perjanjian. Siri ini bermula Selasa depan kira2 jam 7.20 malam.



Sa-bahagian dari adegan2 yang akan dapat di-saksikan dalam siri baru FALL GUY.

Sandiwar Radio :

PARA peminat Sandiwar Minggu ini akan di-perde-ngarkan dengan sa-buah lagi peristiwa kehidupan manusia yang berliku2, di-sumberkan dari ilham penulisnya Mohd. Hairul Azmi, Brunei dalam TANGISAN DI-MALAM SEPI.

Segala-nya bermula dari kejadian yang berlaku di-satu malam ketika hujan turun dengan lebat-nya, ketika mana kereta kepunyaan Che' Sahak tiba2 mogok di-perjalanan. Bertepatan di-tempat itu-lah Che' Sahak berserta isteri-nya, juga inah yang kebetulan menumpang pada mereka, mendengar suara tangisan kanak2.

Kanak2 itu-lah Hadiana yang kini sudah berusia 18 tahun, dan telah di-besarkan dalam keadaan yang serba mewah oleh keluarga Che' Sahak. Selama itu-lah Hadiana meng-

TANGISAN DI-MALAM SEPI

anggap yang Zaiton dan Che' Sahak itu-lah ibu-bapa kandong-nya.

Dalam usia remaja-nya itu, Hadiana telah berkenal rapat dengan Tajul yang ia sendiri tidak tahu siapa keluarga-nya yang sa-benar. Ketika di-bawa bertemu dengan ibu Tajul-lah, Hadiana mendapat tahu yang ia tidak di-senangi.

Walau pun peristiwa di-hujan lebat itu telah lama terjadi, namun bagi Latifah dan ayah-nya Sulaiman, masih tidak dapat melupakan-nya. Le-beh2 lagi pada Sulaiman, hati-nya seperti menjerit2 ingin hendak mengetahui perkembangan chuchu yang telah di-buang-nya.

Akhir-nya Sulaiman pergi ka-bandar dan bekerja sa-

bagai tukang kebun yang kebetulan juga kepunyaan Che' Sahak sendiri. Di-sana-lah ia melepaskan perasaan rindu terhadap chuchu-nya selama ini.

Apa-kah ekoran dari pertemuan itu? Akan terlelai-kah rahsia yang tersimpan selama ini? Kenapa pula ibu Tajul tidak merestui hubungan Tajul dan Hadiana? Untuk jawapan-nya para pendengar ada-lah di-persilakan untuk mengikut siaran-nya pada 24hb. Oktober, 1982 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini ada-lah terbitan Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

Radio minggu ini :

20 TAHUN KENA KERITIK

Siapa tidak kenal Jago-Jagoan. Kumis ada janggut pun ada. Tapi dia terkenal bukan kerana kumis atau janggut-nya. Dia sa-orang cherpenis, yang sejak beberapa waktu kebelakangan ini di-kenal sa-bagai J.J. singkatan nama samaran-nya Jago-Jagoan. Sudah 20 tahun dia mengharong arus dunia seni sastera tanah ayer. Teman2 sa-perjuangan-nya dalam dunia sastera bangsa kita sudah banyak yang di-kirim ka-liang lahad,

tapi J.J. panjang umur-nya. Dia sudah pernah merangkul beberapa anugerah dalam dunia sastera bangsa kita. Di-mana2 ada ber-langsung diskusi sastera nama J.J. tidak ketinggalan jadi sebutan. Beberapa buah antara cherpen-nya terkandung dalam satu2-nya antoloji cherpen. Ini sudah chukop untuk menter-jamin nama-nya dalam dunia sastera kita.

Tetapi yang membikin dia kurang faham ia-lah 20 tahun menulis cherpen,

hasil cherpen-nya minggu lalu maseh di-anggap oleh pengkeritik sa-bagai lemah, tak bertenaga. Dan apa yang lebeh menyayat hati-nya ia-lah bila pengkeritik mengatakan setail penulisan cherpen itu merupakan setail zaman kuratu atau setail zaman tahun enam.

Kata-nya dia tidak menyesal menjadi cherpenis sampai tua. Chuma apa yang di-kesalkan-nya ia-lah sudah lebeh dari 20 tahun menulis cherpen, karya-nya maseh di-anggap long-

gar di-sana longgar di-sini. Ada2 saja yang tak betul-nya. Tolong berikan pada saya, sa-buah cherpen bangsa kita yang tidak ada chachat chela-nya. Itu-lah pertama kali-nya saya dengar saudara J.J. hilang sabar.

Saya chuba menenangkan perasaan-nya; "Nama-nya sahaja pengkeritik. Pada dasar pengkeritik tidak ada satu pun sastera yang tiada chachat chela-nya di-dunia ini." "Termasok Al-Qur'an?" tanya saudara J.J. "Tolong jangan di-seret Kitab Suchi itu. Qur'an bukan sastera. Ia ada-lah Kalamullah. Jangan sampai ka-sana."

Radio Brunei sudah memperkenalkan ruangan Cherpen dan Salokan sejak 15 tahun yang lalu. Hampir sa-tengah ribu cherpen sudah di-gan-yang-nya di-meja keritik, termasuk karya saudara, karya siswa2 University dan lain2.

Untuk menurunkan sedikit suhu2 yang menyelubongi keping2 hati-nya, saya talipon sa-orang pengkeritik teman baru saya kenal kurang dari satu bulan. "Apa-kah pengkeritik itu bermata satu, yang chuma dapat melihat kesalahan dan kepinchangan sahaja dan tidak dapat melihat sesuatu yang benar." Di-hujung sa-belah sana; pengkeritik yang bersuara parau dan garau itu menjawab; "Cherpenis itu sendiri pengkeritik besar terhadap masyarakat dan zaman-nya. Dan apa-kah si cherpenis itu enak-nya mengkeritik sahaja, tapi tidak boleh di-keritik? Nanti dalam kesempatan yang lain, akan saya berikan ulasan panjang lebar dalam salokan cherpen yang akan datang. Selamat siang !"

RANCHANGAN hiburan baru RTB, Sekalong Seni akan dapat di-iluti pada hari Jumaat 22hb. Oktober 1982 pada pukul 8.45 malam. Minggu ini ia-nya di-bintangi oleh johan Bintang Radio tahun 1961, Dayang Sahara Ahmad (Gambar kanan). Genap 21 tahun berlalu, ranchangan ini meninjau masa2 yang telah berlaku yang di-alami oleh bintang ini. Beliau bukan saja terkenal di-Brunei kerana kebolehan-nya menyanyi tetapi juga kerana kebolehan beliau di-bidang drama, tarien serta selaku guru kapada kerabat Diraja. Ranchangan ini juga akan mengandungi peraduan kuiz Aduria di-mana peni-ga2 tempatan menyumbangkan hadiah2 berharga. Jangan lupa menyaksikan ranchangan hiburan Sekalong Seni pada hari Jumaat 22hb. Oktober 1982 jam 8.45 malam.



RANCHANGAN TVP — dari 25hb. — 31hb. Oktober

ISNIN — 25HB. OKT

PAGI

10.30 KAP KAP
UDANG 723
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BELON SI-MANIS, KERJA TANGAN, SI-MANIS, BOLA TUMBOK, HALAMAN BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 723

SELASA — 26HB. OKT

PAGI

10.30 KAP KAP
UDANG 724
Ranchangan hari ini di-muati dengan NAIK KUDA, LIHAT dan PERHATI, PA'LONG, AMIN, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 724

RABU — 27HB. OKT

PAGI

10.30 KAP KAP

UDANG 725

Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti BERSEMAN, TUNJOK BENDA, KATA SI-MANIS, AMINAH, GAMBAR DAN SEBUTAN dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 725

KHAMIS — 28HB. OKT

PAGI

10.30 KAP KAP
UDANG 726
Ranchangan hari ini di-muati dengan aktiviti2 seperti MAIN MUZIK, GAMBAR DARI RUMAH, MAIN BAKUL, BELON SI-MANIS, KAJIAN SA-MULA JADI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 726

JUMAAT — 29HB. OKT

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan hari ini di-muati dengan

aktiviti2 seperti BERSEMAN, GAMBAR DARI RUMAH, TUNJOK BENDA, BOLA TUMBOK, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.

SABTU — 30HB. OKT

PAGI

10.30 KAP KAP
UDANG 727
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti IKUT KETUA, YANG MANA GANJIL, SI-MANIS, MAIN KERUSI, HALAMAN BELAJAR dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 727

AHAD — 31HB. OKT

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 seperti NAIK KUDA, TUNJOK BENDA, SI-MANIS, PA' LONG, PERKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

RANCHANGAN

TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

HARI RABU 20HB OKTOBER		MALAM		MALAM		MALAM	
PETANG		7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS		7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS		7.29 LOVE BOAT — Sambongan	
4.15 PEMBUKAAN		7.15 PETROCELLI : "Five Yards of Trouble" Petrocelli membela sa-orang suami yang chem-buru dan di-tudoh menyebabkan kematian teman lelaki isteri-nya apabila dia di-dapati mati selepas satu pertengkaran; berikutan selepas si-suami itu menurunkan cement dari truck-nya dan menimbus kereta mahal kepunyaan lelaki itu.		7.15 EIGHT IS ENOUGH "Generations" Nenek sa-belah isteri pertama Tom Bradford datang melawat keluarga-nya. Ketika itu juga Susan bersama anak-nya berpindah ka-rumah ayah-nya. Grandpa Paul tidak suka melihat kehadiran Abby di-sana. Konfrantasi seringkali berlaku.		8.15 WARTA BERITA	
4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA		7.24 AZAN ISHA		7.24 AZAN ISHA		8.35 CHERAMAH HIJRAH	
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN		7.29 PETROCELLI —Sambongan		7.29 EIGHT IS ENOUGH — Sambongan		8.45 KETAB DONDANG SAYANG Kalau rasa ingin hendak menari tari-2 Melayu asli, ranchangan ini mengajak awda berbuat demikian.	
4.30 KAP KAP UDANG		8.15 WARTA BERITA		8.15 WARTA BERITA		9.15 THREE'S COMPANY "Stanley's Hotline"	
5.00 UNDER THE MOUNTAIN		8.32 CHERAMAH HIJRAH		8.35 CHERAMAH HIJRAH		9.45 FILEM RENCHANA SPIRIT OF ASIA — "The Hunted Land — Burma"	
5.30 THE NEW ADVENTURES OF SUPERMAN		8.45 HIDAYAT		8.45 SEKALONG SENI		10.15 WINSTON CHURCHILL — THE WILDERNESS YEARS "What Price Churchill?" (Episod terakhir)	
6.00 BERITA AWAL		9.15 DUNIA MINGGU INI		9.15 KNOTS LANDING "The Surprise"		11.15 TALES OF THE UNEXPECTED "Light Finger"	
6.05 JOE'S WORLD (Episod Terakhir)		9.45 THE AWAKENING LAND "The Trees" Bahagian 2 Sayward Wheeler dapat mengatasi satu krisis lagi apabila suami-nya tidak mahu mencherai-nya sesudah mengetahui bahawa suami-nya membuat "affair" dengan sa-orang guru baru.		10.05 FAULTY TOWERS		11.45 SIARAN TAMAT.	
6.11 AZAN MAGHRIB		10.45 MORECAMBE AND WISE SHOW		10.35 GUSTI		HARI ISNIN 25HB OKTOBER	
6.21 JOE'S WORLD — Sambongan		11.15 MINDER : "The Son Also Rises" Sa-orang kaya yang khianat tidak mahu mengeluarkan pembayaran yang di-janjikan-nya kepada sa-orang bekas banduan. Terry di-tugaskan menjaga keselamatan anak orang kaya itu manakala Arthur terpaksa berlagak sa-bagai sa-orang perakaunan satu "trust fund" untuk anak itu.		11.05 POP IN GERMANY		PETANG	
6.30 INTO THE LABYRINTH : "Revolution" Belor mempunyai kelebihan kuasa. Dia melemahkan kehidupan Rothgo yang chuba menolong Terry, Helen dan Phil men-chari Nidus.		12.15 THAT'S HOLLYWOOD		11.35 SIARAN TAMAT.		4.15 PEMBUKAAN	
MALAM		12.45 SIARAN TAMAT.		HARI SABTU 23HB OKTOBER		4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA	
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS		HARI JUMAAT 22HB OKTOBER		PETANG		4.28 SUSUNAN RANCHANGAN	
7.15 KING'S CROSSING		TENGAHARI		4.15 PEMBUKAAN		4.30 KAP KAP UDANG	
7.26 AZAN ISHA		12.00 LAGU KEBANGSAAN		4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA		4.55 THE MUNCH BUNCH "Sherlock Holmes and The Phantom Quack"	
7.31 KING'S CROSSING — Sambongan		12.02 KORAN DAN MARI KITA BERDOA		4.28 SUSUNAN RANCHANGAN		5.15 CAMP WILDERNESS	
8.15 WARTA BERITA		12.13 SUSUNAN RANCHANGAN		4.30 KAP KAP UDANG		5.35 LIDSVILLE	
8.35 CHERAMAH HIJRAH		12.15 TAKZIR		5.00 SESAME STREET		5.35 BERITA AWAL	
8.45 LIPUTAN NASIONAL		12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDHU JUMAAT		6.00 BERITA AWAL		6.05 THAT'S INCREDIBLE	
9.15 ONE OF THE BOYS "His Old Flame"		12.50 KHUTBAH		6.05 HERO HIGH		6.10 AZAN MAGHRIB	
9.45 MAGNUM : "From Moscow To Maui" Magnum di-upah untuk membantu tunang Yuri Dolgov untuk berpaling tadah dari pasokan sokan Russia ketika membuat satu pertandingan pertunjokan di-Hawaii. Dengan kepintaran-nya dan bantuan2 Rick dan TC, Magnum terpaksa bertindak untuk mengatasi rintangan2 seperti KGB dll.		PETANG		6.10 AZAN MAGHRIB		6.20 THAT'S INCREDIBLE — sambongan	
10.35 TAYANGAN GAMBAR : "A Special Kind Of Love" (Drama) Sa-orang janda bertungkus lumus untuk menyatu padukan keluarga-nya yang mengandongi tiga orang anak belasan tahun. Anak-nya cha-chat di-masokkan ka-sebuah sekolah khas. Di-sana anak itu chenderong bersokan dan semua ahli keluarga memberi dorongan kepada-nya. Pelakun2: Charles Durning, Irene Tedrow, Philip Brown, George Parry, dll.		1.00 HIDAYAT (Ulangan)		6.20 HERO HIGH — Sambongan		MALAM	
12.05 SIARAN TAMAT.		1.25 GAMES PEOPLE PLAY		6.40 WORLD OF BIRDS "Wilderness Is Not A Place"		7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS	
HARI KHAMIS 21HB OKTOBER		2.20 HAPPY GO ROUND		MALAM		7.15 FREEBIE AND THE BEAN : "Health Nuts" Freebie dan Bean memasuki institusi menjaga kesihatan (health institute) untuk menyikap aktiviti kumpulan penchuri yang mempunyai kontak dalam.	
PETANG		3.15 RANCHANGAN TIGA MINIT		7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS		7.24 AZAN ISHA	
4.15 PEMBUKAAN		3.29 AZAN ASAR		7.15 TRAPPER JOHN M.D. — "A Piece Of The Action"		7.29 FREEBIE AND THE BEAN — Sambongan	
4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA		3.32 THE ANIMAL WORLD — "Bee People"		7.24 AZAN ISHA		8.15 WARTA BERITA	
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN		4.00 KUNTUM SENI (Episod Terakhir)		7.29 TRAPPER JOHN — Sambongan		8.35 CHERAMAH HIJRAH	
4.30 KAP KAP UDANG		4.15 KAP KAP UDANG		8.15 WARTA BERITA		8.45 LIPUTAN NASIONAL	
5.00 SESAME STREET		4.45 MUNCH BUNCH "Neighbours"		8.35 CHERAMAH HIJRAH		9.15 SARA DANE	
6.00 BERITA AWAL		5.10 SONG BOOK (Episod Terakhir)		8.45 LIPUTAN NASIONAL		10.15 COSMOS	
6.05 FLINTSTONE FROLICS		5.30 PANCHAIRAMA		9.15 TAYANGAN LARUT MALAM : "The Comedy of Terror" (Horror) Pelakun2 : Vincent Price, Peter Lorre, Boris Karloff, Basil Rathbone, Joe E. Brown, dll.		11.15 HOUSE CALL "Bombing Out"	
6.10 AZAN MAGHRIB		6.00 BERITA AWAL		12.45 SIARAN TAMAT.		11.45 SIARAN TAMAT.	
6.20 FLINTSTONE FROLICS — Sambongan		6.05 YOU ASKED FOR IT		HARI AHAD 24HB OKTOBER		HARI SELASA 26HB OKTOBER	
6.35 WILD KINGDOM		6.10 AZAN MAGHRIB		PETANG		PETANG	
		6.20 YOU ASKED FOR IT — Sambongan		2.00 PEMBUKAAN		4.15 PEMBUKAAN	
		6.35 INTERNATIONAL AWARD THEATRE "The Violin" Sa-buah violin kesayangan telah di-jadikan tanda kenangan kepada satu perpisahan di-antara sa-orang tua dan muda setelah menjalinkan satu persahabatan yang rapat.		2.02 KORAN & MARI KITA BERDOA		4.16 KORAN & MARI KITA BERDOA	
				2.13 SUSUNAN RANCHANGAN		4.28 SUSUNAN RANCHANGAN	
				2.15 BUGS BUNNY : "Duffy Duck Easter Show"		4.30 KAP KAP UDANG	
				2.45 THE JEFFERSONS		5.00 ENCHANTED CASTLE "Magic Life"	
				3.10 BIG LEAGUE SOCCER		5.30 HANS CHRISTIAN ANDERSON ANIMATION "The Little Mermaid" Bgh. 1	
				3.29 AZAN ASAR		6.00 BERITA AWAL	
				3.32 BIG LEAGUE SOCCER — Sambongan		6.05 NATURE OF THINGS Roger Tory Peterson	
				3.55 MEMOIRS OF A FAIRY GODMOTHER		6.09 AZAN MAGHRIB	
				4.25 KAP KAP UDANG		6.19 NATURE OF THINGS — Sambongan	
				4.55 FIRST AID : (Episod Terakhir)		MALAM	
				5.10 GROWING SUMMER : "Danger"		7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS	
				5.40 TARGET IMPOSSIBLE Membawa kita ka-banyak tempat di-dunia seperti dari hutan belantara di-Amazon hingga ka-kota raya Paris. Dengan menuju sasaran di-anggap mustahil kita manusia boleh mencapai yang mula-nya di-anggap mustahil. Drama kemajuan sains dalam berbagai bidang.		7.15 THE FALL GUY (Siri Baru)	
				6.00 BERITA AWAL		7.23 AZAN ISHA	
				6.05 BRADY KIDS : "The Big Time"		7.28 THE FALL GUY — Sambongan	
				6.10 AZAN MAGHRIB		8.15 WARTA BERITA	
				6.20 BRADY KIDS — Sambongan		8.35 CHERAMAH HIJRAH	
				6.35 ANGIE : (Siri Baru)		8.45 ARENA SOKAN : "Commonwealth Games"	
				MALAM		9.45 THE PROFESSIONALS "Lawson's Last Stand"	
				7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS		10.45 TAYANGAN GAMBAR : "Goldie and The Boxer" (Drama) Sa-orang petinju (boxer) mencapai banyak kejayaan2-nya sa-telah menerima dorongan dari sa-orang anak perempuan berumur 10 tahun. Pelakun2 : O.J. Simpson, Melisa Michaelsen, Vincent Gardenia, Phil Silvers, Madlyn Rhue, dll.	
				7.15 LOVE BOAT : (Siri Baru)		12.15 SIARAN TAMAT.	
				7.24 AZAN ISHA			



Siri komedi HOUSE CALLS Isnin depan bertajok: Bombing Out mengesahkan ugutan sa-orang "gila" yang hendak meletupkan sa-biji bom di-salah satu tempat di-Kensington hospital pada waktu yang sudah di-tetapkan.

ADA-lah tiap2 negeri mempunyai dasar dan pandangan bagi mengarahkan bumiputera kepada tujuan dan matalamat yang tertentu bagi menyam-paikan kepada sa-suatua faedah, dan muslihat, kemajuan dan kemakmoran dan ketenteraman kepada negeri itu.

Di-Amerika Sharikat matalamat pendidekan di-tujukan pada tiga perkara yang amat mustahak:

1. Membuka peluang kepada tiap2 sa-orang penduduk, supaya membaiki ke-dudukan-nya dalam ekonomi dan sosial, maka sekolah2 dan kolej2 yang tiada di-kenakan bayaran mengadakan berbagai-bagai kursus yang munasabah kepada sa-seorang penduduk mengikut keupayaan dan hajat masing2.

2. Menggalakkan pengeluaran barang2 dan kemahiran, dengan jalan mem-banyakan peluang memberi latihan dan pimpinan dalam pekerjaan2 dan per-tukangan2 dengan tiada di-kenakan bayaran atau dengan bayaran yang sedikit, dengan memberi perangsang dengan chara yang terator pada bekerja dan me-ngeluarkan hasil dan barang2.

3. Memberi kepada tiap2 penduduk menekmati apa yang ada, dan memberi pe-rangsang dan semangat bahawa hidup itu ada-lah baik, dan wajib mengam-bil peluang bersenang2 de-ngan kehidupan yang ada itu, dan tiada di-sana tah-un2 yang susah kerana berharap tahun2 yang me-wah, dalam kehidupan ti-ap2 sa-orang itu. Maka orang2 Amerika memand-ang bahawa sa-panjang perjalanan hidup sama be-laka bagus dan manis. Dan tiada-lah mesti di-korban-kan satu2 dewasa itu sebab hendakkan kemanisan de-wasa yang lain, oleh sebab itu maka bahawa dewasa kanak2 dan dewasa bu-dak, ada-lah dewasa2 ber-senang2 dengan hidup sa-lain ia dewasa persediaan bagi dewasa2 yang akan datang, dengan chara ini maka mesti-lah di-jadikan pelajaran itu riang sa-ber-apa yang boleh.

Begitu-lah chita2 ahli pendidek Amerika dan tu-juan mereka ia-itu meng-gunakan pelajaran itu ba-gi mendapatkan peluang sa-seorang penduduk ba-hawa dia bebas, dan dia dapat menchorakkan ke-bolehan-nya, dan dia bo-leh mengeluarkan hasil dan memproses sa-suatua dengan aman damai deng-an lain2 manusia yang se-dang menchari apa yang ia sedang chari dan ber-usaha itu.

Ini tulisan Robert J.

Havigurst dari Kitab "Per-bualan Darihal Pelajaran Di-Amerika" terjemahan bahasa Arab oleh Puan Li-ly Al-Lubabaidi di-bawah arahan Doktor Hameed Ammar Mesir.

Telah di-ketahui baha-wa Amerika Sharikat ia-raayat-nya terdiri dari ber-bagai bangsa Eropah, dan Yahudi, dan orang hitam asli, dan lain2 bangsa Ti-mor, tanah-nya mumpu-nyai berbagai barang2 mentah dan sumber2 bumi berharga.

UGAMA KRISTIAN

Telah di-ketahui Per-lembagaan Amerika itu memisahkan kerajaan dari ugama Kristian, maka da-ri itu tiada di-dapati di-da-lam sekolah2 kebangsaan Amerika gerakan ugama yang tegas berhubung de-ngan mana2 jenis gereja, te-tapi dalam sekolah2 ke-bangsaan bahawa ugama Kristian itu di-terangkan dengan chara 'am melalui mata2 pelajaran Tarikh dan Sastera atau dalam ja-dual waktu sembahyang yang tiada berhubung de-ngan mana2 Gereja.

Bagitu-lah ringkasan matalamat tujuan pendidekan bangsa Amerika Sharikat.

Di-Negeri Arab Saudi pendidekan bahawa tiap2 orang Saudi mesti mema-tohi ajaran Al-Kor'an dan hadith Rasulullah Sallal-lahu Alaihi Wasallam lain dengan ibarat yang lain

Siri ke-154

PENDIDEKAN DALAM ISLAM

mesti beramal dengan Al-Kor'an dan Sunnah Rasu-lullah, dengan berasaskan pada mentauhidkan Allah Ta'ala dan menjauhi sega-la rupa perbuatan shirik dan menyengutukan Allah dan dari berdamp-ingan dengan kubor2 orang mati dan berdasarkan menjauhi per-buatan2 bid'ah yang belan-wan dengan Al-Kor'an dan As-Sunnah.

Maka sekolah2 dan uni-versiti2 di-Negeri Saudi mengajar ajaran Al-Kor'an dan As-Sunnah dan sam-bil beramal dengan ke-

dua2-nya menerusi sem-bahyang, puasa, zakat dan haji dan lain2 amal dan perbuatan, mereka menu-top kedai2 dan berhen-ti dari berkerja apabila masuk waktu sembahyang dan mendengar azan, dan sembahyang di-awal2 wak-tu, kemudian mereka balek ka-kedai dan menjalankan kerja masing2. Hidup me-reka dengan beramal dan menurut ajaran Al-Kor'an dan As-Sunnah, mereka mengasingkan sekolah2 dan universiti2 lelaki dari sekolah2 dan universiti2 perempuan.

HUKUM SHARA'

Mereka menjalankan hukum Shara', kesalahan menchuri di-potong tang-an, minum arak di-rotan, dan kesalahan membunuh dan merompak di-pan-chong kepala.

Mereka menegah arak dari di-bawa masuk ka-da-lam Negeri Saudi.

Mereka bertanam, ber-usaha dan berniaga menu-rut keadaan di-mana me-reka berada dalam negeri mereka.

Telah ma'alum bahawa orang Arab Hijaz Mckah

suka berniaga, dan Arab Al-Madinah suka berta-nam, bagaimana berlaku sa-belum zaman Islam, dan di-sebutkan dalam Al-Kor'an bahawa orang2 Qu-raish berniaga musim se-jok ka-Negeri Yaman dan musim panas ka-Negeri Sham dan tersebut dalam Tarikh Islam bahawa orang2 Muhajirin zaman Islam berniaga di-pasar2 dan orang2 Ansar (Radhi-allahu 'Anhum) berta-nam di-kebun2.

(bersambung)

WALLAHU A'ALAM

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ
(YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri
Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B.,
P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti.

Peraduan membacha Al-Kor'an bagi Muallaf

KUALA BELAIT. — Pe-raduan Membacha Al-Kor'an dan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim bagi saudara2 baru peringkat Daerah Belait telah di-ada-kan pagi Ahad lalu, 10hb.

Memelok Ugama Islam



Awg. Asmandy b. Abdullah

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Satu Majlis pengIslaman bagi Awang Gaing bin Agong telah di-langsungkan di-rumah Awang Suffian bin Laman di-No. 761 B, PWD Head Quarters, Tanjong Pelum-pung, Muara pada 30hb. Sepetember lalu.

Awang Gaing kini di-kenali sa-bagai Awang Asmandy bin Abdullah sa-telah melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Awg. Haji Abdul Aziz bin Hj. Mahmud, Imam Mas-jid Setia Ali, Pekan Mu-ara. Majlis pada malam itu telah di-serikan dengan zi-kir marhaban.

Oktober, bertempat di-Se-kolah Ugama Peduka Seri Begawan Sultan di-sini.

Pengerusi Peraduan, Awang Haji Ahmad bin Abdul Razak memberitahu bahawa peraduan tersebut di-adakan untuk kali ke-2 bagi saudara2 baru di-da-erah itu anjoran Bahagian Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Ugama. Ia-nya juga merupakan pe-milihan wakil daerah ter-sebut ka-pertandingan pe-ringkat negeri yang akan di-adakan tidak berapa la-ma lagi.

Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Kadhi Daerah Belait, Awang Hj. Metussin bin Haji Tim-bang. Majlis itu telah di-dahului dengan persem-bahan bacaan Al-Kor'an oleh Awang Redzuan bin Adanan kemudian di-ikuti dengan ucapan Pengerusi Peraduan, Awang Hj. Ah-mad bin Abd. Razak.

Lima orang peserta le-la-ki dan tiga orang peserta perempuan telah menyertai bahagian Kor'an, se-mantara bahagian Ayat2 Lazim di-ambil bahagian oleh 10 orang peserta pe-rempuan dan empat orang peserta lelaki.

Bahagian Kor'an lelaki telah di-menangi oleh Awang Hamdi bin Haji Mat Isa dengan markah 75 peratus, naib-johan Awang Idi Osman bin Ab-dullah dengan memperole-hi markah 74½ peratus, se-

mentara tempat ketiga di-menangi oleh Awang Sha-fee bin Abdullah dengan markah-nya 74 peratus.

Johan dalam Bahagian Kor'an Perempuan pula ia-lah Dayang Masnah bte Abd. Rahman dengan markah 68 peratus, naib-johan Dayang Saerah bte Haji Mat Isa dengan men-dapat markah 56 peratus dan Dayang Masnah bte Abdullah menduduki tem-pat ketiga.

Dalam Bahagian Ayat2 Lazim lelaki, tempat pe-mata di-menangi oleh Mohd. Hardi bin Abdullah dengan markah-nya 73 pe-ratus, naib-johan Awang Anuar bin Abdullah deng-

an memperolehi 70 mata, manakala Awang Jamadil bin Shahbud dengan mem-perolehi markah 57 pe-ratus menduduki tempat ke-tiga.

Johan Bahagian Ayat2 Lazim Perempuan ia-lah Dayang Hamdiah bte Ab-dullah dengan markah 66 peratus, Dayang Zalinah bte Ali Rahman mendu-duki tempat kedua, sem-en-tara Dayang Zaperinah bte Ali Rahman memen-nangi tempat ketiga.

Hadiah kepada peme-ngan2 telah di-sampaikan oleh isteri Kadhi Daerah Belait, Pengiran Hajjah Khasnah bte Pengiran Be-sar.



Salah sa-orang peserta perempuan yang menyertai peraduan tersebut.

Majlis2 Cheramah Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama akan mengadakan dua lagi Majlis Cheramah Ugama bagi Daerah Brunei-Muara berse-mena dengan Sambutan Awal Muharram Tahun Hijrah 1403.

Esok, majlis tersebut akan di-adakan di-Surau Kampong Serdang, di-mana Awg. Mohd Zamri bin Talip akan mem-berikan cheramah. Sementara itu, Awang Haji Abd. Aziz bin Jumeid akan menyampaik-kan cheramah di-Masjid Kam-pung Sengkurong pada 23hb. Oktober. Kedua-dua majlis itu akan di-adakan sa-lepas sem-bahyang fardhu Maghrib.

Beberapa majlis cheramah juga telah di-adakan baru2 ini di-masjid2 dan surau2 di-Da-erah Brunei-Muara, Belait dan Tutong.

Enam Majlis Cheramah te-lah di-adakan pada 18hb. Oktober lalu di-enam buah masjid di-Daerah Brunei-Mu-ara. Cheramah di-Masjid Mo-hammed Bolkiyah Kampong Serusap telah di-sampaikan oleh Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, sementara Awang Haji Mohd. Amin bin PDPD Haji Abd.

Rahim telah menyampaikan cheramah di-Masjid Omar Ali Saifuddin di-sini.

Memberikan cheramah di-Masjid Kampong Sungai Han-ching ia-lah Awang Haji Saud bin Haji Yahya, di-Masjid Se-tia Ali, Awang Haji Besar bin Abu Bakar, menyampaikan cheramah di-Surau Pulis Ga-dong ia-lah Awang Haji Mo-hammed bin Haji Rais, manakala Awang Haji Mohd. Jali bin Abd. Latif telah menyam-paikan cheramah di-Masjid Kampong Tanah Jambu, Mu-ara.

Di-Daerah Belait, tiga majlis cheramah telah di-langsungkan di-Masjid Mo-hammed Jamalul Alam di-Kuala Belait, Masjid Pekan Setia dan Masjid Kampong Sungai Liang, Cheramah2 te-lah di-sampaikan oleh Awang Syed Mohsin Alkaf, Pengiran Hj. Mohamad bin Pengiran Haji Abd. Rahman dan Awg. Kasim bin Lamat.

Dan majlis yang sa-rupa juga telah di-adakan di-Masjid Hassanah Bolkiyah di-Daerah Tutong pada hari yang sama. Cheramah di-majlis itu telah di-sampaikan oleh Haji Abd. Rajid bin Haji Abd. Kadir.

UNTOK mendekatkan dan membiasakan diri dengan kehidupan di-kawasan2 pendalaman yang jauh terpisah dari "hawa bandar" akan mengambil masa yang sangat panjang.

Perjalanan ka-tempat yang ingin kita hampiri itu sahaja pun sudah cukup untuk "menjarakan" sesiapa sahaja yang kepingin ka-situ, lain-lah halnya jika perjalanan di-buat dengan menggunakan pesawat helikopter.

Namun begitu, kesungguhan dan kesabaran pegawai2 Kerajaan — terutama sekali para guru yang di-tempatkan mengajar di-kawasan2 pendalaman patut-lah kita hargai. Di-samping itu langkah Kerajaan DYMM di-dalam membekalkan beberapa kemudahan kepada para penduduk yang berkenaan dengan tidak mengira anutan, bangsa dan keturunan kini mendapat perhatian dan sekali gus memberikan penyertaan total dari pihak2 yang terlibat.

Walaupun perjalanan dengan menggunakan bot ka-kampung2 Bukit Sawat, Apak-Apak, Buau, Sukang dan Melilas akan memakan masa yang panjang dan melelahkan, tetapi di-setiap kampung para pengunjung akan dapat melihat beberapa perkembangan dari banyak segi yang kini dapat dirasakan oleh penduduk2 di-situ.

TIDAK BERBEDZA

Dalam langkah Kerajaan untuk membekalkan ilmu pengetahuan ka-kampung2 ini mithal-nya, sekolah2 telah di-bina di-tempat2 yang paling dekat dengan tempat2 kediaman penduduk2 yang di-lengkapi dengan guru2 tetap. Pelajaran2 yang di-bekalkan kepada murid2 tidak ada bedza-nya dengan apa yang di-dapati oleh pelajar2 bandar dan istimewa lagi yang pelajar2 di-situ sejak beberapa ketika telah di-berikan permakanan per-chuma.

Kemudahan2 kesihatan dan perubatan tidak ketinggalan di-berikan kepada mereka yang memerlukan rawatan, dan lawatan2 doktor terbanyak terus di-buat dari semasa-kesemasa.

Beredar dari sini, Kerajaan tidak juga ketinggalan memberikan bantuan ka-arah satu lagi bidang kebajikan yang di-perchayai boleh

TINJAUAN KA-ULU BELAIT

PENDUDOK2 DI-SINI KEMUDAHAN2 KERAJAAN

memperbaiki taraf kehidupan satu puak di-Kampung Sukang.

Sa-buah rumah panjang kini telah di-dirikan dengan perbelanjaan Kerajaan bagi puak Punan melalui Pejabat Daerah Belait.

Rumah panjang orang2 Punan yang mereka diami masa ini telah 'uzor' dan apabila rumah panjang yang baru ini siap di-bina, kehidupan mereka di-harapkan akan bertambah baik dan terator.

"Kami sebenar-nya sejak dahulu lagi tinggal di-rumah2 yang kecil dan tidak tetap sehingga-lah pada tahun 1962 di-mana kami mula keluar dari hutan dan terus menetap di-sini."

"Tinggal di-rumah panjang bukan-lah merupakan kebiasaan puak Punan dan dari itu untuk membuat rumah panjang yang terator ada-lah menjadi masalah kepada kami. Bantuan Kerajaan ini sangat besar erti-nya kepada kami," jelas Ketua Rumah panjang Punan, Luyah anak Kaling.

Untuk mengetahui lebih banyak lagi tentang soal2 kehidupan di-beberapa buah kampung yang kita jelaskan tadi Pelita sempat membuat peninjauan ka-situ. Ikuti renchana kita sa-terus-nya.

KAMPONG BUAU

Kampung Buau terletak di-Mukim Sukang, di-Ulu Belait. Untuk datang ka-Kampung tersebut hanya dengan dua chara ia-itu dengan menggunakan jalan sungai dan udara. Kalau meng-

gunakan jalan sungai dan bertolak dari Pengkalan Mau di-Sungai Liang, memakan masa kurang lebih tiga jam untuk sampai ka-kampung tersebut.

Di-Kampung Buau terdapat sa-buah rumah panjang yang mengandungi 23 buah bilek dan merupakan rumah panjang yang terbesar di-negeri Brunei yang di-diami oleh kira2 300 orang Iban yang merupakan majoriti penduduk2 di-kampung tersebut.

Sungguh pun kampung ini jauh terpenchil tetapi ia-nya tetap di-paduli oleh Kerajaan Kebawah DYMM dengan memberikan beberapa kemudahan seperti sekolah dan rumah guru2. Kerajaan juga membekalkan 'radio control' yang moden sa-bagai alat penghubung dengan pihak2 yang tertentu, dan perkhidmatan doktor udara yang datang ka-tempat itu sa-tiap bulan.

Orang2 Iban di-Kampung Buau belum mempunyai sa-barang anutan ugama dan maseh lagi memegang kepercayaan datok nenek mereka. Pekerjaan mereka sa-lain daripada bertanam padi, mereka juga bekerja menoreh getah dan sa-bahagian-nya mengusahakan tanaman lada sulah. Sa-bahagian anak2 muda-nya telah mempunyai pekerjaan tetap di-jabatan2 kerajaan dan swasta.

Dari segi hiburan dan ma'aloman Kerajaan tidak melupakan penduduk2 pendalaman di-sana. Pegawai2 Bahagian Penerangan, Pejabat Setiausaha Kerajaan dan Jabatan hal Ehwal Ugama, sering datang ka-kampung tersebut untuk mengadakan pertunjukan wayang gambar di-samping memberikan malumat penerangan dan menyampaikan daawah Islamiah.

Radio control dapat di-gunakan untuk panggilan chemas yang memerlukan helikopter dari AMDB. Dengan chara itu keselamatan penduduk2 di-kampung tersebut dapat di-perbaiki dan di-jaga setiap masa.

PENEMPATAN GURU

Sa-buah sekolah telah di-bina di-Kampung Buau oleh kerajaan berhampiran dengan Rumah Panjang Buau. Pada masa ini sekolah tersebut mempunyai sa-ramai 64 orang murid serta mempunyai 5 orang guru termasuk sa-orang guru wanita. Sekolah tersebut telah siap di-bina pada tahun 1973 tetapi ia-nya di-gunakan sa-penoh-nya pada bulan Februari tahun 1976, sa-telah Jabatan Pelajaran menempatkan tiga orang guru dengan keramaian murid 36 orang. Murid2 yang belajar di-sekolah tersebut kebanyakkan-nya datang dari kawasan Kg. Buau dan Kg. Kukup.

Walau pun pada permulaan-nya Sekolah Melayu Buau mengalami serba kekurangan, samada dari segi peralatan mengajar, buku teks dan perabot, tetapi sekolah tersebut terus berkembang dari masa ka-semasa dari segi pelajaran, sokan dan kesenian, sekolah itu tetap menampakkan diri-nya menyaingi mana2 sekolah di-Daerah Belait.

Menurut Guru Besar Sekolah Melayu Buau Che'gu Mohammad bin Abd. Rahman, beberapa orang murid dari sekolah itu telah berjaya memasoki sekolah menengah dan yang lain-nya kerana bekerja.

Che'gu Mohammad yang menjadi guru besar di-sekolah itu sejak tahun 1978 menyatakan, Kam-

RENCANA OLEH: SHADOON LAMZI

GAMBAR2 OLEH: ISMAIL MUHAMMAD

pong Buau ada-lah tempoh yang panjang untuk datang kalau melalui jalan darat, lebih kurang 10 batu. Dengan kata-nya, kita akan mengalami banyak lebeh2 lagi waktu musim kemarau perahun Buau dan kita terpaksa-lah batu dan memakan masa demikian tambah-nya, menyebabkan guru2 Melayu Buau mengalami perhubungan.

MEMPUNYAI

Mengenai dengan sekolah tersebut, Che'gu kan, ibu bapa mereka dengan menghantar anak supaya mereka kelak dapat menulis dan tidak huruf. Bagaimana pun adakan bagi penduduk mereka bekerjasama samada dari segi tenaga.

Kata-nya lagi, murid sekolah, guru2 terpacu Bahasa Melayu dengan




Gambar atas (dari kanan) Che'gu Shadoon Lamzi (Penulis rencana) dan Ibrahaim (pemereka buau).

Rumah Panjang Orang2 Punan yang baru (gambar bawah).



'Sungai' merupakan alat-nadi perhubungan yang terpenting bagi penduduk2 yang tinggal di-sekitar Ulu Sungai Belait. Orang2 Punan sedang memunggah papan2 dari perahu bagi kegunaan membuat rumah yang sedang di-bina oleh kerajaan.

Bangunan yang di-dirikan ini ada-lah merupakan sa-buah rumah panjang bagi orang2 Punan. Ia-nya di-bangunkan oleh Kerajaan Kebawah DYMM melalui Pejabat Daerah Kuala Belait.



Juma 20hb Oktober, 1982.

KEKMATI AN D.Y.M.M.

DAN MUHAJMIN HJ. MUHAMMAD

AD

ang agak payah di-
ngai yang jauh-nya
melalui jalan sungai
rintangannya yang
sunga tuhor. Jika
papai ka-Kampung
kaki, kira2 5½
jam. Oleh yang
an begini-lah yang
bertugas di-Sekolah
sulitannya dari segi

KESEDARAN

yang belajar di-
hammad menerang-
punyai kesedaran
aya belajar ka-sekolah
membaca, mengira
ri mereka yang buta
as dewasa juga di-
mah panjang Buau.
aktiviti2 sekolah
mbangan derma.
ang masuk ka-pra-
champur-adokkan
Iban untuk menga-

jar murid2 tersebut kerana kebanyakan mereka tidak tahu berbahasa Melayu, tetapi sa-telah mereka naik ka-darjah satu sa-tiap murid akan menggunakan Bahasa Melayu sepenoh-nya.

"Purata penduduk2 Iban di-Kampung Buau tidak mempunyai sa-barang ugama yang mereka anuti, tetapi kebanyakan murid2 di-sekolah itu suka untuk mengikuti pelajaran ugama Islam dan berharap Jabatan Hal Ehwal Ugama akan dapat mengadakan sa-orang guru ugama di-sekolah tersebut," ujar Che'gu Mohammad.

Walau pun ada anak2 muda yang ingin untuk memeluk ugama Islam tetapi oleh sebab ikatan keluarga begitu kuat menyebabkan mereka tidak berani melakukan-nya kechuali bila ibu bapa mereka memeluk ugama Islam.

ADAT KEPERCHAYAAN

Agak sukar sedikit kata Che'gu Mohammad, untuk mereseipi golongan tua dengan ajaran2 ugama Islam kerana mereka maseh lagi tebal memegang adat keperchayaan datok nenek-nya, lain-lah hal-nya dengan anak2 muda yang begitu 'flexible' tetapi insha Allah kalau di-banar-banari2 tuai rumah-nya besar kemungkinan anak2 buah-nya akan mengikut.



Minah bte Hamdi, Che'gu Ismail Hj. Tengah, Awg. Muhaimin Hj. Mohd. dan Awg. Che'gu Jon Juman Sagoh, Che'gu Mohammad Abd. Rahman (Guru Besar), Awg. Bu-
sekolah2 pendalaman) dan Che'gu Pg. Idris bin Pg. Ismail.

terletak di-Mukim Sukang Ulu Belait. Rumah tersebut telah di-bena kira2 10 tahun



Murid2 darjah dua dan tiga di-Sekolah Melayu Buau, Ulu Belait sedang mengikuti mata pelajaran Kira2 yang di-ajar oleh Che'gu Pg. Idris bin Pg. Ismail. Beliau telah berkhidmat di-sekolah tersebut sejak bulan April, 1981, hingga-lah sekarang.

Hanya sa-orang saja guru wanita yang di-tempatkan mengajar di-Sekolah Melayu Buau ia-itu Che'gu Minah bte Hamdi. Beliau sedang memerhatikan murid2-nya membaca dan menulis tulisan rumi (bawah). Gambar bawah kanan ia-lah Che'gu Mohammad bin Haji Abd Rahman, Guru Besar Sekolah Melayu Buau.



Kata-nya lagi, mereka sering menyelit2kan pelajaran ugama Islam ketika penduduk2 tersebut mengikuti kelas dewasa dan nampak usaha itu mendapat sambutan. Ada-lah lebeh baik, tambah-nya, jika sa-orang guru ugama yang tahu sedikit2 berbahasa Iban di-datangkan kerana kebanyakan golongan tua tidak faham berbahasa Melayu.

Bertolak dari Pengkalan Mau menuju ka-Kampung Bukit Sawat kira2 25 minit di-mana terletak-nya Sekolah Melayu Orang Kaya Berandai. Keramaian penduduk Mukim Bukit Sawat kira2 sa-ribu orang yang mana kira2 200 orang penduduk tersebut ada-lah berugama Islam.

Sekolah yang ada sekarang telah siap pembenaan-nya dan di-gunakan sa-penoh-nya pada bulan Ogos tahun 1971, sementara pembukaan rasmi-nya oleh YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, bekas Speaker Majlis2 Mashuarat Negeri.

TENAGA PENGAJAR

Tenaga guru yang mengajar di-sekolah tersebut sa-ramai 8 orang termasuk sa-orang guru Ugama dan sa-orang guru Bahasa Inggeris. Keramaian murid-nya 74 orang, Kebanyakan-nya berbangsa Dusun dan hanya 20 orang yang berugama Islam. Sa-paroh daripada murid2 tersebut ada-lah warganegara Brunei. Murid2 Iban yang belajar di-sekolah itu datang-nya dari Rumah Panjang Bang Tajoh.

Guru Besar Sekolah tersebut Malai Salleh bin Malai Yahya yang telah berkhidmat di-sekolah itu sa-lama lima tahun, menyatakan murid2 Dusun yang belajar di-pra-sekolah tidak ada menghadapi masalah bahasa Melayu kerana mereka faham berbahasa Melayu. Semua murid2 di-sekolah itu di-ajar tentang pengetahuan ugama Islam sa-chara menyeluruh.

Sekolah Melayu Apak-Apak terletak di-Ulu Belait mempunyai sa-ramai 24 orang murid dengan tenaga pengajar tiga orang guru. Kesemua murid2-nya berbangsa Iban.

Sekolah Melayu Apak-Apak yang baru siap di-bena dan di-gunakan sa-penoh-nya bulan Januari tahun 1982. Walau pun kebanyakan ibu bapa

murid2 tersebut buta huruf tetapi mereka mempunyai kesedaran terhadap pelajaran dengan menghantar anak2 mereka ka-sekolah hingga-lah ka-peringkat menengah.

Menurut guru besar Sekolah Apak-Apak, kebanyakan kanak2 di-sana belum begitu terdedah kepada unsur2 hiburan sebagaimana kanak2 yang hidup di-bandar. Mereka sejak kecil lagi telah di-asoh dengan tanggungjawab2 kepada keluarga dalam memenohi keperluan2 hidup mereka.

Kebanyakan penduduk2 Iban tersebut belum lagi memegang sa-barang anutan ugama dan maseh lagi mempraktikkan adat2 lama datok nenek mereka seperti adat perkahwinan, kematian, upacara2 spiritual dan lain2-nya.

Dari sini dapat-lah kita membuat pendekatan tentang sedikit sebanyak hal kehidupan para penduduk2 di-sini dan dengan ada-nya bantuan2 yang di-berikan oleh pihak Kerajaan kita harap-lah ia-nya dapat di-nekmati dengan sepenoh-nya.



Hasil2 Kraftangan orang2 Punan seperti gawang (takiding), anyaman tikar dan anyaman topi yang kesemua-nya di-buat daripada rotan. Sumpit di-buat oleh kaum lelaki bagi kegunaan berburu. Gadis tersebut sedang menerangkan bagaimana jenis2 anyaman itu di-buat.

BULU-TANGKIS BAGI PIALA DATO HAJI AHMAD


BANDAR SERI BEGA-WAN. — Kelab Bulu Tangkis Jabatan Pelajaran akan menganjorkan Perlawanan Bulu Tangkis terbuka kepada Pejabat2 Kerajaan seluruh daerah di-negeri ini.

Perlawanan yang merupakan projek tahunan kelab tersebut ada-lah kali ka-lima di-adakan sempena memperingati sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ke-36 tahun bagi merebut piala Dato Haji Ahmad Jumat.

Selain dari itu ia juga bertujuan bagi mengeratkan perhubungan silatulahim antara pemain2 jabatan kerajaan di-samping menchungkil bakat pemain2 Bulu Tangkis.

Sa-banyak tujuh bahagian akan di-pertandingkan dalam perlawanan itu nanti ia-itu dua dalam bahagian perseorangan lelaki, tiga bergu lelaki, satu bergu perempuan dan satu bergu campuran.

Penolong Setiausaha merangkap Pegawai Penerangan dan Perhubungan bagi perlawanan tersebut, Awang Haji Tuah bin Noordin menyatakan ramai pemain pada tiap2 pasokan yang menyertai hendak-lah tidak kurang dari sembilan orang dan tidak lebih dari 11 orang.



Tiap2 pejabat di-benarkan menghantar lebih daripada satu pasokan tetapi tiap2 sa-orang pemain yang di-daftarkan dalam satu pasokan tidak boleh di-pindahkan ka-pasokan yang lain dan seterusnya. Pejabat2 yang mengambil bahagian tidak di-benarkan bergabung dengan pejabat2 lain.

Di-samping itu jelas-nya ada-lah di-tekanan sa-tiap pemain hendak-lah terdiri daripada warga

negara Brunei yang memegang kad pengenalan kunning.

Pemain2 hendak-lah hadir di-tempat perlawanan tidak lewat dari masa yang di-tetapkan. Jika tidak hadir pada masa, tarikh dan tempat di-tetapkan ada-lah di-kira kalah dan menarek diri dari bertanding.

Undang2 perlawanan ada-lah tertalok kepada undang2 permainan Badminton Antarabangsa dan yang di-amalkan oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei.

Borang2 penyertaan yang mengandungi keterangan lanjut bagi perlawanan tersebut sekarang boleh di-perolehi daripada Setiausaha Perlawanan Bulu Tangkis Pejabat2 Kerajaan Kali Ke-V Tahun 1982 bertempat di Pejabat Pelajaran, Bahagian Pendidikan Jasmani E — 13, Jalan Sekolah di-sini.

rombongan tersebut akan di-lakukan oleh Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awg. Abd Rahman sa-belum rombongan tersebut bertolak ka-Kuala Lumpur.

Jabatan Letrik sertai sukan di-K.L.

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Satu rombongan yang terdiri dari pegawai2 dan kakitangan Jabatan Letrik di-jadualkan bertolak ka-Kuala Lumpur petang ini untuk menyertai Sukan Antara Perbadanan Elektrik Malaysia-Brunei yang akan di-adakan selama empat hari bermula esok.

Rombongan sa-ramai 105 orang itu di-ketuai oleh Pengarah Perkhidmatan2 Letrik, Malai Ali bin Malai Haji Othman.

Ini ada-lah kali kedua Jabatan Perkhidmatan Letrik Brunei menyertai sukan sa-umpama itu. Sukan kali pertama telah di-adakan di-Kuching, Sarawak pada tahun lalu.

Dalam sukan di-Kuala Lumpur itu, Brunei akan menyertai 10 acara sukan termasuk perlawanan golf bagi pegawai2 kanan.

Satu upacara penyerahan bendera Negeri Brunei kepada

Skim Latehan Judo

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan akan mengajorkan Skim Latehan Sokan Judo, yang terbuka kepada semua belia dan beliawanis yang terdiri dari warga negara Brunei dan penduduk tetap di-negeri ini.

Skim Latehan Sokan Judo tersebut di-hasratkan sa-bagai persediaan bagi penyertaan Brunei dalam pertandingan Sokan Judo akan datang.

Belia dan beliawanis yang berminat bagi menyertai latehan yang

berkenaan boleh-lah mendapatkan borang penyertaan dari Pengiran Hashim bin YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya di-Pusat Belia talipon 22900 atau 23936, atau menerusi Awang Norsah bin Haji Abdullah di-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan, talipon 22903 atau 26846.

Borang2 yang telah siap di-isi hendak-lah di-kembalikan ka-Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan di-sini tidak lewat dari hari Sabtu, 30hb. Oktober ini, jam 4.30 petang.

Dewan Pusat Belia di-tutup

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Ada-lah di-maalomkan kepada olahragawan tanah ayer yang Dewan Pusat Belia di-tutup bagi sa-barang kegiatan sokan dan sebagai-nya mulai 16hb. Oktober, 1982 hingga satu masa yang akan di-umumkan nanti.

Penutupan tersebut ada-lah bagi membolehkan kerja2 mengubah suai di-jalankan.

Sa-barang kesulitan di atas penutupan tersebut ada-lah sangat2 di-kesalkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sokan dan selanjut-nya memohon kemaafan kepada yang berkenaan.

Sekolah Bangunan SSR anjor perlawanan ping-pong

